

**AQUASEL** "KESEGARAN SEMULA JADI"

AIR MINERAL SEMULA JADI  
PRODUK KELUARAN BUMIPUTERA



Satu produk daripada:  
Seltrade

# selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 19 - 25 OKTOBER 2023

www.selangorkini.my

# Projek besar untuk manfaat rakyat

MUKA  
3

**#KitaSelangor** **FSI**

**KDEB**  
WASTE MANAGEMENT

**APLIKASI  
i-CLEAN  
SELANGOR**  
Memudahkan Anda  
Menyalurkan Aduan  
Terus Kepada Kami

Pendaftaran Mudah | Lebih Cekap | Maklum Batas Awal

**MUAT TURUN SEKARANG!**

Download on the **App Store** | **ANDROID APP ON Google play**

UNTUK SEBARANG PERTANYAAN ☎ 1-800-88-2824



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengadakan perbincangan dua hala bersama 300 pelajar dalam Konvensyen Mahasiswa Selangor Timur Tengah 2023 di Amman, Jordan pada 10 Oktober 2023. Foto Facebook Amirudin Shari ▶ BERITA MUKA 2



**19-22 OCT 2023**  
KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE

## Revolutionising Digital Landscape with AI, Net Zero, and Biotech

Organised by Hosted by **Sidec** In Conjunction with Main Sponsor **AFFIN BANK** Endorsed by **MATRADE**



## Temu mahasiswa Selangor di Jordan

**SHAH ALAM** - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengadakan perbincangan dua hala dengan penuntut Selangor di Jordan sempena Konvensyen Mahasiswa Selangor Timur Tengah 2023.

Beliau mendengar pelbagai pandangan mahasiswa mengenai isu semasa di Malaysia selain berkongsi hala tuju pentadbiran negeri dan usaha memartabat syiar Islam di Selangor.

Dalam konvensyen yang dihadiri lebih 300 pelajar pada 10 Oktober, lebih 24 kertas cadangan meliputi aspek pembangunan, kebajikan, kerohanian dan pentadbiran dibentangkan.

Amirudin yang mengadakan lawatan ke Mesir dan Jordan sejak 8 Oktober turut menyertai program bual bicara Mahasiswa Selangor selain berkunjung ke penempatan pelajar.

## Tabung bantu rakyat Palestin

**SHAH ALAM** - Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) menubuhkan tabung kemanusiaan Palestin bagi menyelaras kutipan dana membantu penduduk negara itu.

Pengarahnya Dato' Mohd Shahzihan Ahmad berkata inisiatif bagi memastikan tiada pihak membuat kutipan menggunakan alasan demi manfaat, kepentingan dan pembangunan umat Islam.

Pihaknya juga akan menyalur sumbangan menerusi pihak berautoriti yang diiktiraf Majlis Agama Islam Selangor demi memastikan bantuan sampai kepada sasaran.

"Orang awam disaran menyalur derma ke tabung yang disediakan di masjid dan surau atau terus menyumbang ke akaun Maybank Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TI-JARI) menerusi nombor akaun 56210671862, dengan rujukan Pray For Gaza.

"Seluruh masjid dan surau terus diseru membaca doa Qunut Nazilah dan solat hajat mendoakan keselamatan, ketabahan, dan kemenangan perjuangan rakyat Palestin."

**IMBAS DI SINI**  
akhbar digital minggu lepas



# Contohi negeri turun duti hiburan

**SHAH ALAM** - Kerajaan mengumumkan kadar duti hiburan di Wilayah Persekutuan diturunkan beberapa peratus daripada 25 peratus seperti amalan di Selangor.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan pengurangan lima peratus diberi kepada taman tema, pusat rekreasi keluarga, pusat permainan indoor dan simulator.

Pengurangan 10 peratus duti pula dibuat terhadap persembahan pentas artis antarabangsa dan acara hiburan lain seperti tayangan filem serta acara

sukan dan permainan.

"Kesempatan ini juga saya ambil untuk menyeru Kerajaan Negeri (lain) supaya mempertimbang pengurangan duti hiburan yang dilihat mampu menyokong perkembangan bakat kreatif tempatan," katanya ketika membentangkan Belanjawan 2024.

Bagaimanapun, kerajaan mengahpuskan duti hiburan untuk persembahan pentas artis tempatan mulai tahun depan.

Berkuat kuasa 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2026, Selangor mengu-

rangkan kadar duti itu daripada 25 peratus kepada lima peratus setiap bayaran masuk ke taman tema.

Sepanjang tahun lalu, Kerajaan Selangor memberi pengecualian duti hiburan selama setahun untuk bayaran masuk pertunjukan pentas (bertiket) bagi artis tempatan.

Anwar menambah kerajaan juga mahu menetapkan kadar cukai pendapatan khas sehingga 10 peratus kepada produksi, pelakon asing dan kru filem yang menjalankan penggambaran di Malaysia.

## Proses sisa jadi tenaga

# Bina loji terbesar dalam negara

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

**KUALA SELANGOR** - Tapak loji sisa kepada tenaga (WTE) yang dibina di Jeram bakal menjadi loji pelupusan terbesar negara dan mampu memproses 3,000 tan sampah pepejal sehari.

Dato' Menteri Besar berkata binaan atas tanah seluas 30 ekar yang dijangka beroperasi mulai 2026 juga membantu pemuliharaan alam sekitar selain merangsang peluang ekonomi lebih tinggi.

Menurut Dato' Seri Amirudin Shari, projek bersama Worldwide Holdings Berhad (WHB) dan Shanghai Electric Power Generation (M) Sdn Bhd

akan menerima kutipan enam pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Hari ini majlis pecah tanah bagi pembinaan loji selepas kita mendapat kebenaran merancang daripada Majlis Perbandaran Kuala Selangor.

"Apabila beroperasi, sebanyak 52 megawatt sejam akan dijual kepada Tenaga Nasional Berhad dan seterusnya menyumbang ekonomi negeri," katanya selepas merasmikan pecah tanah tapak itu pada 17 Oktober.

PBT berkenaan ialah Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Subang Jaya, Majlis Perbandaran Klang, Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Majlis Perbandaran Kuala Selangor.

Sementara itu, ketua pegawai eksekutif kumpulan WHB berkata WTE mampu mengurus sisa dengan cekap, sekali gus mengurangkan pencemaran bau, air larut lesap atau pelepasan gas berbahaya.

"Paling utama mampu menyumbang penjaan tenaga boleh diperbaharui. Syarikat kekal fokus mengoptimalkan sumber demi manfaat semua pemegang taruh kami," kata Datin Norazlina Zakaria.

Sebelum ini, Amirudin berkata teknologi WTE diberi tumpuan sejak 2018 berikutan dampaknya yang tinggi kepada ekonomi negeri dengan aspek penerokaan dibincang bersama wakil PBT, baru-baru ini.

# Kerjasama jamin bekalan makanan

**SHAH ALAM** - Program keterjaminan makanan termasuk menjadikan Selangor sebagai projek rintis tepat dan selari Dasar Pelan Transformasi Agro Selangor (PeTA) yang dilancar tahun lalu.

Berikutan itu, Kerajaan Negeri sedia bekerjasama dengan kementerian bagi menyelaras program sekali gus menjamin keperluan bekalan makanan rakyat,

kata EXCO Pertanian Ir Izham Hashim.

"Rancangan ini sesuai dengan pelan Kerajaan Negeri. Ia bukan hanya tumpu pada hasil tetapi meliputi keseluruhan ekosistem pertanian.

"Antaranya pembenihan atau pembakaan, penggunaan baja organik yang dapat melestarikan sumber tanah. Ini dapat mengelakkan berlakunya pencemaran air," katanya pada 14 Oktober.

Sebanyak RM400 juta disediakan dalam Belanjawan 2024 untuk program jaminan makanan bagi mengurangkan kebergantungan import.

Daripada jumlah itu, RM50 juta digunakan untuk perolehan baja secara terbuka dan projek rintis dijalankan di Selangor, Perak, Terengganu dan Pulau Pinang selain RM150 juta untuk bekerjasama dengan kerajaan negeri dalam mengoptimalkan penggunaan tanah.



# SIBS kukuh kedudukan di Asean

**SHAH ALAM** - Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) yang diperkenalkan sejak 2016 membantu penjenamaan negeri ini sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai pintu masuk Asean.

EXCO pelaburan berkata acara ber-

taraf antarabangsa itu mencerminkan kepentingan Selangor kepada negara selain mengembangkan kegiatan ekonomi menerusi penjaan rantaian bekalan.

"Transaksi nilai urus niaga yang dijana SIBS menunjukkan minat pembeli dan pelawat kepada ekspo tersebut. Ini

memberi faedah kepada keseluruhan ekonomi," kata Ng Sze Han dalam kenyataan baru-baru ini.

Katanya, SIBS 2023 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dari 19 hingga 22 Oktober turut melibatkan kerjasama dengan agensi persekutuan.



**CERIA...** Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dan DYMM Tengku Permaisuri Hajah Norashikin berkenan menerima cenderahati sempena Majlis Meraikan Alumni Pakej Haji Almaas Musim Haji 1444H anjuran Tabung Haji Travel & Services di Kuala Lumpur pada 14 Oktober. Foto Facebook Selangor Royal Office

## Rancak kegiatan perdagangan

# Atasi banjir, tingkat pengangkutan

**SHAH ALAM** - Beberapa pembangunan skala besar yang memanfaatkan pelbagai lapisan rakyat akan dijalankan di Selangor berdasarkan kelulusan peruntukan Belanjawan 2024.

Dalam pembentangan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di Dewan Rakyat pada 13 Oktober, projek berkenaan antaranya:

- Pembinaan rancangan tebatan banjir (RTB) Sungai Langat fasa dua
- Pembinaan lima stesen Projek Transit Aliran Ringan 3 (LRT3)
- Pembinaan pelabuhan Pulau Carey
- Penyelenggaraan Jalan Pelabuhan Klang

Pembinaan RTB Sungai Langat berkenaan antara 33 projek bagi mengatasi banjir di seluruh negara yang akan dimulakan pada tahun depan melibatkan kos keseluruhan RM11.8 bilion.

RTB lain antaranya Lembangan Sungai Pahang di Pahang; Sungai Jelai Kuala Pilah (Negeri Sembilan), Sungai Likas Kota Kinabalu (Sabah), Kuching fasa dua (Sarawak), Baling fasa 2 (Kedah), dan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kelantan fasa dua (Kelantan).

Kerajaan juga meneruskan cada-

ngan untuk membina lima stesen LRT3 membabitkan kos RM4.7 bilion yang dibatal pentadbiran sebelum ini sekali gus memanfaatkan dua juta penduduk Lembah Klang iaitu Tropicana, Raja Muda, Temasya, Bukit Raja dan Bandar Botani.

Bagi memantapkan ekosistem dan kecekapan pelabuhan negara pula, kerajaan menyediakan geran padanan RM50 juta untuk menyelenggara Jalan Pelabuhan Klang.

Peruntukan tersebut bertujuan membangunkan prasarana pengangkutan dan logistik untuk menarik lebih ramai pelabur dan pelancong sekali gus merencanakan kegiatan perdagangan.

Bagi memperkukuh lagi peranan Pelabuhan Klang, cadangan pembangunan pelabuhan di Pulau Carey akan dijayakan melalui Request for Proposal (RFP).

Selain itu, peruntukan RM563 juta disediakan bagi membaiki cerun di seluruh negara bagi mengelakkan tragedi tanah runtuh di Batang Kali, Selangor pada akhir tahun lalu berulung.

Lima pembangunan projek kesihatan juga diumumkan termasuk membina bangunan tambahan Jabatan Kecemasan dan Trauma di Hospital Sultan

Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Projek tersebut bertujuan mengawal kesesakan di hospital kendalian Kementerian Kesihatan.

Sementara itu, Kerajaan Negeri akan memanfaatkan pengukuhan sektor logistik dan pelabuhan dalam Belanjawan 2024 yang dibentang Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pentadbiran juga akan memperinci sektor teknologi dan inovasi melalui Belanjawan Selangor 2024 yang dibentang bulan depan.

Ahli parlimen Gombak itu percaya belanjawan persekutuan menjadikan ekonomi negara kuat dan tahan uji di Asia Tenggara dan tersenarai antara 30 ekonomi terbesar dunia menjelang 2030.

"Pelbagai tekad seperti sokongan kepada syarikat mikro mahupun perusahaan kecil dan sederhana diiktikar supaya dapat bersaing bukan sahaja di Malaysia tetapi syarikat lain di luar negara.

"Ini termasuk insentif industri tenaga elektrik malah komitmen paling besar dalam sejarah diberikan kepada sektor pendidikan bagi membina generasi berwawasan," katanya di Facebook.

## Simulasi kecemasan isu keselamatan

**KLANG** - Majlis Keselamatan Negara (MKN) Selangor mengadakan Latih Amal OPS ISPS Ex-Ganjar sebagai persediaan menghadapi sebarang isu keselamatan.

EXCO pengurusan bencana menjelaskan simulasi dua hari melibatkan kerjasama Lembaga Pelabuhan Klang, Northport dan Westports bagi melatih anggota keselamatan berdepan situasi kecemasan.

"Latihan sebagai menguji kesiapsiagaan pasukan keselamatan serta agensi lain. Kita nak pastikan semua pihak bersiap sedia dengan sebarang ancaman.

"Selangor perlu persediaan kerana kita kawasan strategik ekonomi dan merupakan pintu masuk negara menerusi pelabuhan dan lapangan terbang," kata Najwan Halimi pada 11 Oktober.

## Anugerah inovasi galak reka cipta

**SHAH ALAM** - Penganjuran Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) antara usaha Kerajaan Negeri memberi peluang kepada semua kelompok masyarakat mencipta produk inovasi yang boleh dimanfaatkan ramai.

EXCO Pembudayaan Inovasi Dr Mohamad Fahmi Ngah berkata anugerah tahunan itu terbuka kepada pelbagai kategori seperti sektor awam, swasta, institusi pengajian tinggi (IPT) dan pelajar.

"Anugerah inovasi ini luar daripada lingkungan penjawat awam kerana kita juga mahu menggalakkan inovasi-inovasi di peringkat swasta, IPT sehingga ke akar umbi.

"Saya menggalakkan rakyat Selangor untuk cuba masuk dalam pertandingan AINS tahun depan. Untuk tahun ini, pemenang sudah ada (dan) akan diumumkan pada Ekspo Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi (SRIE) sempena SIBS," katanya.

## Ekspo penyelidikan kongsi teknologi

**SHAH ALAM** - Ekspo Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi (SRIE) yang menjadi sebahagian acara Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) mampu mengangkat idea penyelidikan dan inovasi negeri ini ke tahap lebih tinggi.

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) Dato' Johary Anuar berkata ekspo itu juga memberi peluang kepada pakar termasuk penyelidik baharu mengetengahkan idea terkini dilakukan mereka dalam pelbagai bidang penyelidikan.

"Pada masa sama, ini juga antara usaha kita memberi galakan kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) untuk membangunkan inovasi dalam sektor masing-masing.

"Malah SRIE menghimpunkan pelbagai bidang penyelidikan untuk dipamerkan kepada orang ramai," katanya pada 17 Oktober.

## RM4.4 juta untuk baucar beli-belah

**SHAH ALAM** - Sebanyak 22,000 baucar beli-belah disediakan Kerajaan Negeri sempena Deepavali tahun ini membabitkan peruntukan keseluruhan RM4.4 juta.

EXCO pembasmian kemiskinan berkata setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) termasuk 22 kawasan pembangkang menerima kuota antara 300 hingga 600 baucar bergantung bilangan penduduk India di kawasan masing-masing.

"Baucar paling banyak diserahkan kepada DUN Sentosa iaitu 600, namun ada juga DUN kita peruntuk 300 hingga 350 baucar sahaja kerana jumlah masyarakat India terlalu sedikit.

"Kita juga lantik wakil rakyat dan ahli parlimen terdekat untuk menyelaras baucar ini kepada penduduk di kawasan pembangkang," kata V Papparaidu pada 16 Oktober.

Permohonan baucar Jom Shopping bernilai RM200 boleh dibuat melalui pejabat DUN sehingga 24 Oktober dengan agihan kepada penerima mulai 13 Oktober hingga 11 November.

## Tingkat ekonomi penduduk desa

**SHAH ALAM** - Peruntukan RM1.63 bilion dalam Belanjawan 2024 bagi membina dan menaik taraf jalan kampung dan desa mampu meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk luar bandar serta mengurangkan jurang kemiskinan secara progresif.

Pensyarah Kanan Kolej Pengajian Alam Bina Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam Dr Muhammad Azwan Sulaiman berkata sistem pengangkutan yang baik dapat meningkatkan rangkaian antara penduduk luar bandar dengan bandar terdekat selain meningkatkan perkembangan mikro ekonomi penduduk.

"Belanjawan kali ini jelas menampakkan betapa kerajaan cukup fokus bagi menaik taraf kehidupan penduduk luar bandar. Bukan sahaja terdapat peruntukan naik taraf dan bina jalan, namun terdapat juga banyak peruntukan lain.

"Ini termasuklah beberapa peruntukan bagi membaik pulih kemudahan asas yang lain seperti jambatan uzur, sistem bekalan air bersih dan sebagainya. Apabila semua ini dapat dilaksanakan, ia mampu memberi kesan positif terhadap tahap kualiti kehidupan penduduk desa secara menyeluruh," katanya dilapor Bernama.

## Taja pelajar asnaf ke Mesir, Jordan

**SHAH ALAM** - Lembaga Zakat Selangor (LZS) memperuntuk RM1.37 juta sebagai tajaan dermasiswa luar negara ke Timur Tengah termasuk ke Mesir, Jordan dan Maghribi pada tahun ini.

Menurut kenyataan LZS di Facebook pada 12 Oktober, tajaan berkenaan membabitkan 17 pelajar asnaf fakir miskin dan fisabilillah ke tiga negara tersebut.

"Penghantaran terakhir untuk pelajar luar negara ke Mesir yang melanjutkan pelajaran dalam bidang Qiraat pada 26 Oktober.

"Pihak kami mendoakan semoga pelajar luar negara tajaan LZS berjaya dengan cemerlang," kata kenyataan itu lagi.

Sebelum ini, Jabatan Agama Islam Selangor mempelawa lepasan Sijil Pe-

lajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang menyambung pengajian ke Mesir dan Jordan memohon dermasiswa pada 1 hingga 25 Jun.

LZS pula berbelanja RM32.6 juta untuk membantu 67,798 pelajar prasekolah hingga menengah dalam kalangan asnaf, fakir dan miskin serta muafak meliputi yuran dan kelengkapan sekolah.

## Bimbing peniaga adaptasi teknologi

# RM50,000 bantu perkenal produk

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

**KUALA LANGAT** - Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM) Selangor perlu memainkan peranan untuk membimbing peniaga dan pengusaha muslim mengadaptasi teknologi digital.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata penguasaan bidang itu penting bagi memastikan mereka tidak tenggelam dalam arus semasa yang disebut Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

"Dari hari ke hari, media sosial seperti Facebook yang dahulunya medium cari kenalan lama, kemudian X dan TikTok akhirnya jadi platform promosi

produk perniagaan.

"DPIM perlu bersama ahli pasukannya perlu bawa atau lahirkan (peniaga) pintar digital supaya tidak tenggelam dalam situasi semasa," katanya pada 14 Oktober.

Beliau menghadiri Wacana Ekonomi Ummah 1.0 sempena Mesyuarat Agung Tahunan ke-26 DPIM Selangor di Quayside Mall, Telok Panglima Garang di sini.

Amirudin turut mengumumkan dana RM50,000 bagi membantu badan bukan kerajaan (NGO) tersebut memperkenalkan produk usahawan muslim selain pelaksanaan program dirancang pada masa depan.

Sementara itu, beliau mengakui perniagaan wajar dijadikan sebagai kerjaya

bertepatan saranan hadis bahawa sembilan persepuluh punca rezeki datang daripada perniagaan.

"Ini satu perkara kita patut sedar dan budaya berniaga harus bermula dengan asas sangat jelas iaitu amanah. Tiada masalah mencipta keuntungan, tetapi dibuat cara amanah," katanya.

Pengerusi DPIM Selangor Mohd Yahya Mat Sahri pula berkata lebih 500 peserta terdiri daripada wakil institusi masjid, surau serta peniaga muslim dihimpunkan dalam program berkenaan.

Katanya peserta didedahkan forum berkaitan pengurusan aset di institusi ummah seperti masjid, surau dan sekolah supaya dapat diurus dengan baik.

## Perkasa ekonomi patuh syariah

**KUALA LANGAT** - Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM) berazam untuk memperkasa ekonomi digital berteras Islam dan menyemai budaya jihad dalam kalangan pengusaha muslim.

Presidennya Mohammad Sahar Mat Din berkata usaha itu mengambil kira perkembangan kutipan jualan perniagaan digital berjumlah RM20 bilion tahun lalu yang dilaporkan tidak patuh syariah.

"Kami titik berat soal pembangunan



perniagaan berteras Islam. Memang betul perniagaan ekonomi digital berkembang tetapi kita perlu tekankan konsep Islamik dan pematuhan syariah.

"Alhamdulillah, ada ahli kami yang sudah lama berjuang dengan DPIM mula menunjukkan kejayaan demi kejayaan," katanya pada 14 Oktober.

Mohammad Sahar juga berharap pentadbiran negeri mempertimbang untuk menyediakan tanah bagi mewu-

judkan pusat pameran perdagangan sekali gus merencanakan pembangunan usahawan di Selangor.

"Setakat ini, kami tiada dewan khusus dan jika ada sebidang tanah yang boleh dibeli pada harga berpatutan, insya-Allah kami bersedia bina pusat pameran itu dengan gabungan ahli DPIM.

"Kami boleh buat pameran sepanjang tahun, tidaklah hanya bermusim pada acara tertentu. Melalui usaha ini, kami percaya Selangor bakal jadi hab pembangunan usahawan," katanya.

WAKTU SOLAT	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang								Klang dan Kuala Langat								Sabak Bernam dan Kuala Selangor							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak			
19 Khamis	5:39	5:49	6:56	1:01	4:18	7:01	8:11	5:40	5:50	6:56	1:02	4:18	7:02	8:12	5:42	5:52	6:57	1:03	4:20	7:03	8:13			
20 Jumaat	5:39	5:49	6:55	1:01	4:18	7:01	8:10	5:39	5:49	6:56	1:02	4:18	7:02	8:11	5:42	5:52	6:57	1:03	4:21	7:03	8:13			
21 Sabtu	5:39	5:49	6:55	1:01	4:18	7:00	8:10	5:39	5:49	6:56	1:01	4:19	7:01	8:11	5:42	5:52	6:57	1:03	4:21	7:03	8:12			
22 Ahad	5:39	5:49	6:55	1:01	4:18	7:00	8:10	5:39	5:49	6:56	1:01	4:19	7:01	8:11	5:41	5:51	6:57	1:03	4:21	7:02	8:12			
23 Isnin	5:39	5:49	6:55	1:00	4:19	7:00	8:10	5:39	5:49	6:56	1:01	4:19	7:01	8:11	5:41	5:51	6:57	1:03	4:21	7:02	8:12			
24 Selasa	5:39	5:49	6:55	1:00	4:19	7:00	8:10	5:39	5:49	6:56	1:01	4:19	7:01	8:11	5:41	5:51	6:57	1:03	4:21	7:02	8:12			
25 Rabu	5:39	5:49	6:55	1:00	4:19	6:59	8:10	5:39	5:49	6:56	1:01	4:19	7:01	8:11	5:41	5:51	6:57	1:02	4:21	7:02	8:12			

19 - 25 OKTOBER 2023  
4 - 10 RABUAKHIR 1445



Tengku Permaisuri Hajah Norashikin bersama peserta Pinky Fun Run sempena Hari Tanpa Kenderaan MPK di Padang Sultan Suleiman, Klang pada 15 Oktober. Foto Facebook Selangor Royal Office

## Tengku Permaisuri sertai larian MPK

**KLANG** - Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor berkenan ke program Pinky Fun Run sempena Hari Tanpa Kenderaan Majlis Perbandaran Klang (MPK) di Padang Sultan Suleiman.

Disambut EXCO Sukan Najwan Halimi dan Yang Dipertua MPK Noraini Roslan, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin turut berkenan menyertai larian tiga kilometer selain melawat reruai pameran.

Noraini menjelaskan sambutan berkecenderungan pada bulan ini disambut meriah berikutan kehadiran lebih 1,000 peserta pelbagai peringkat usia.

"Pada program kali ini, kita bekerjasama dengan Klinik Kesihatan Bukit Kuda sempena bulan kesedaran kanser payudara selain meraikan rakan-rakan yang bertarung melawan penyakit.

"Malah, kita juga mahu beri kesedaran kepada penduduk Klang tentang kesedaran pentingnya pengesanan barah payudara di peringkat awal," katanya pada 15 Oktober.

## Agensi pergiat persiapan

# Tumpu 97 lokasi kerap banjir

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

**KLANG** - Sebanyak 97 kawasan di negeri ini dikenal pasti berisiko banjir berikutan fenomena peralihan Monsun Timur Laut pada masa ini.

EXCO Pengurusan Bencana Najwan Halimi menjelaskan ada 23 lokasi di Klang, Sepang dan Hulu Langat (19), Gombak (13) serta Petaling (11).

Beliau menambah lokasi sama turut dikesan di Kuala Langat (lima), Kuala Selangor (empat), Sabak Ber-

nam (dua) dan Hulu Selangor (satu).

"Kita kesan 390 lokasi berisiko tetapi 97 lokasi ini diberi perhatian. Persiapan kita kali ini lebih lengkap, EXCO dan Ahli Dewan Negeri diberi peranan memantau kawasan masing-masing.

"Unit bencana negeri juga sentiasa dapatkan maklum balas agensi berkaitan. Pihak berkuasa tempatan bersiap siaga. Tahap kesediaan kita kali ini lebih baik," katanya lagi.

Beliau merasmikan program Latih Amal OPS ISPS Ex-Ganjar 2023 anjuran

Majlis Keselamatan Negara Selangor, Lembaga Pelabuhan Klang, Northport dan Westports pada 11 Oktober.

Sebelum ini, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata 10,000 pek bantuan asas disediakan bagi mendepani bah. Jumlah itu sekali ganda daripada bilangan mangsa bencana 2021.

Kerajaan Negeri turut meminta pasukan bomba, tentera serta Angkatan Pertahanan Awam menyediakan aset serta memastikannya dalam keadaan baik.

## Negeri perkasa hak kanak-kanak

**PETALING JAYA** - Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Negeri Selangor dan Pelan Tindakan 2022-2025 meletakkan Selangor sebagai negeri contoh dalam pemerkasaan hak golongan berkenaan.

EXCO Pembudayaan Inovasi Dr Mohammad Fahmi Ngah menjelaskan tonggak dan langkah yang disusun dalam dasar tersebut praktikal dan bertepatan dengan situasi mutakhir.

"Kita memiliki panduan jelas dan sistematik. Jika semua cabaran berhubung isu kanak-kanak diselesaikan, hasil positif boleh dilihat dalam tempoh

lima hingga 10 tahun akan datang.

"Semua pihak perlu beri kerjasama memastikan matlamat dicapai seterusnya membawa perubahan positif," katanya dalam majlis penganugerahan Inisiatif Bandar Mesra Kanak-Kanak pada 13 September.

Pada 17 Mac, Dewan Negeri Selangor meluluskan usul Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Negeri Selangor dan Pelan Tindakan 2022-2025 yang memberi tumpuan kepada 10 tonggak utama.

Ia meliputi antaranya persediaan keibubapaan dan prakelahiran, pendid-

dikan dan penjagaan awal, kesihatan, kesejahteraan keluarga serta perkembangan sosial dan komunikasi.

Dr Mohammad Fahmi juga menambah Selangor negeri maju sentiasa pemerkasaan hak golongan kanak-kanak sebagai antara agenda penting dalam mengolah dasar negeri.

Mengambil contoh Yayasan Warisan Anak Selangor, beliau berkata agensi yang ditubuh sejak 2009 itu menyediakan pelbagai inisiatif untuk pengu- rusan kebajikan anak dari peringkat bayi hingga belia.

## RM95,000 baik pulih sekolah, surau

**SHAH ALAM** - Lembaga Zakat Selangor (LZS) memperuntuk lebih RM95,000 bagi menayakan kerja baik pulih kemudahan dan surau dua sekolah daerah Petaling.

Dana kira-kira RM45,000 diterima Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) USJ 23 dan RM50,000 diperuntuk kepada Kelas al-Quran dan Fardu Ain (Kafa) Integrasi Masjid Darul Ehsan, Subang Jaya.

"Di SMK USJ 23 proses baik pulih dan pembinaan struktur baharu ruang wuduk perempuan amat membantu mempermudah urusan anak-anak mengambil wuduk dan beribadah dengan selesa.

"LZS komited mengoptimum penggunaan wang zakat untuk baik pulih sekolah agama atau surau supaya dapat mempertingkatkan kualiti ibadah umat Islam," katanya.

## Karnival kraf saji aktiviti menarik

**SHAH ALAM** - Orang ramai dijemput hadir ke Karnival Kawan Kraf Selangor 2023 di Pavilion Bukit Jalil pada 19 hingga 22 Oktober.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor memaklumkan pelbagai pengisian dan aktiviti menarik diadakan termasuk 300 reruai jualan dan pameran kraf tangan selain sesi bual bicara dengan usahawan berjaya.

"Turut diadakan bengkel kemahiran lukisan eko dan teknik pewarnaan menggunakan bahan semulajadi (eco printing and natural dye) dan padanan perniagaan," katanya di Facebook.

Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dijadual mencemar duli menyempurnakan program berkenaan pada 21 Oktober.

## Bazar pra-Deepavali himpun 100 peniaga

**KLANG** - Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah) akan mengadakan bazar pra-Deepavali bulan depan yang menghimpunkan 100 usahawan India, kata EXCO Keusahawanan Najwan Halimi.

Beliau menjelaskan penganjuran di Padang Chetty, Klang memberi peluang kepada masyarakat berkenaan untuk menyediakan kelengkapan sempena sambutan Deepavali.

Katanya permit perniagaan peserta bazar ditanggung Pembangunan Usahawan India Selangor (Sitham) termasuk penyediaan alatan seperti khemah.

"Kita sasar sekurang-kurangnya 50 atau maksimum 100 peniaga akan sertai bazar ini. Permohonan akan dibuka dalam tempoh dua minggu lagi," katanya baru-baru ini.

## Kemuka polisi sifar bahan buangan

**AMPANG JAYA** - Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) akan mengemukakan kerangka polisi sifar lepas bahan buangan (zero discharge policy) kepada Kerajaan Negeri dalam tempoh terdekat.

Pengarahnya Hasrolnizam Shaari berkata polisi bagi menangani pencemaran sungai daripada pelbagai aktiviti sudah disiapkan dan pelaksanaannya dijangka bermula selewat-lewatnya tahun depan.

"Polisi ini wajar diketengahkan berikutan keadaan semasa di seluruh lembangan sungai di Selangor yang dipenuhi pelbagai aktiviti. Jadi untuk ada kawalan (aktiviti), kita cadangkan pendekatan 'zero discharge policy'.

"Kita sudah siapkan kerangka peraturan baharu dan akan kemukakan kepada Kerajaan Negeri. Kita percaya sedikit masa lagi keputusan terhadap pendekatan tersebut akan dibuat," katanya pada 15 Oktober.

## Potongan cukai program antirasuah

**HULU LANGAT** - Syarikat swasta digalakkan menganjurkan program antirasuah menerusi khidmat tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi mendidik masyarakat supaya membenci rasuah.

Selain menyebarkan maklumat mengenai gejala itu, Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor Dato' Alias Salim berkata penganjur juga layak mendapat potongan cukai.

"Saya harap lebih banyak pihak swasta bersama SPRM jalani kegiatan bermanfaat dan memberi sumbangan penting membudayakan benci rasuah," katanya pada 14 Oktober.

Beliau turut memuji usaha Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) yang menganjurkan program untuk menyebarkan mesej antirasuah bagi mendidik mahasiswa.

# Data INSAN tidak langgar peraturan

**SHAH ALAM** - Bank Negara Malaysia (BNM) mengesahkan tiada pelanggaran maklumat peribadi pelanggan dalam tawaran skim insurans percuma yang ditawarkan Kerajaan Selangor.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan pengesahan berkait Skim Insurans Am Selangor (INSAN) berdasarkan Akta Perkhidmatan Kewangan dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam.

Beliau berkata BNM berpendapat

pelanggan dengan rela bersetuju untuk mendapatkan perlindungan dengan memberi maklumat peribadi melalui aplikasi Wavpay, lapor Malaysia Gazette.

"BNM mendapati isu pendaftaran pelanggan secara haram yang dibangkitkan berkaitan dengan polisi atau sijil induk yang dikeluarkan secara bernama," katanya pada 12 Oktober.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Hamzah Zainudin (Perikatan Nasional-Larut) berkenaan tindakan yang

diambil ke atas pihak yang terlibat dalam dakwaan skandal INSAN.

Anwar menambah BNM mendapati skim inisiatif Kerajaan Selangor itu untuk memberi perlindungan insurans atau takaful kemalangan diri secara percuma kepada rakyat seawal usia 30 hari.

Beliau menjelaskan skim insurans atau takaful kemalangan diri berkumpulan bawah INSAN juga tidak memerlukan kelulusan BNM tetapi boleh diselesaikan jika perlu.

## Galak orang ramai buat saringan

# Cegah penyakit peringkat awal

Oleh **SHEEDA FATHIL**

**KLANG** - Kerajaan Negeri bercadang memperkasa sektor kesihatan awam tahun depan dengan memberi tumpuan kepada program berbentuk pencegahan.

Menjelaskan pencegahan penting bagi mengelak komplikasi lebih kronik, EXCO Kesihatan Awam Jamaliah Jamaluddin juga telah berbincang dengan Unit Perancang Ekonomi

(Upen) Selangor.

"Tahun depan kita perbanyak program pencegahan dan menggalakkan lebih ramai individu membuat saringan kesihatan untuk kenal pasti penyakit pada peringkat awal," katanya pada 14 Oktober.

Beliau menambah pihaknya akan memastikan peruntukan dalam Belanjawan Selangor untuk tahun hadapan bagi portfolio kesihatan di-



manfaatkan sebaik-baiknya.

"Setiap EXCO sudah pasti mahukan tambahan dana tetapi ia bergantung kepada arah tuju pembangunan dirancang Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

"Jika ada tambahan dana mahupun tidak, kita akan memastikan peruntukan portfolio kesihatan dioptimum atau prestasi tinggi daripada aspek kesihatan awam," ujarnya.

# Dapatkan sijil EU projek perikanan

**KUALA SELANGOR** - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI berusaha memperoleh pensijilan Kesatuan Eropah (EU) bagi projek perikanan skala besar dalam Kawasan Pembangunan Sabak Bernam (SABDA).

Ketua Pegawai Operasinya Saipolyazan M Yusop berkata usaha itu bagi memastikan projek itu menepati piawaian EU, mendapat pengiktirafan dan memajukan ekonomi hiliran di

utara negeri.

"Selain pelabuhan, kita juga akan menyediakan kawasan hiliran proses hasil perikanan ini yang melayakkan untuk dihantar ke Eropah dan sebab itu perlunya standard penilaian EU.

"Kita yakin apabila wujudnya pembangunan ini kelak ia bukan hanya dapat menarik pelabur luar tetapi dapat memberi peluang penduduk tempatan menjana pendapatan," katanya pada 13

Oktober.

Menurut Saipolyazan, MBI juga bekerjasama dengan universiti bagi membangunkan projek akuakultur di kawasan terbabit dalam menghasilkan benih ikan bernilai tinggi.

"Kita akan bekerjasama dengan penduduk tempatan yang ingin terlibat dalam bidang perikanan ini bagi meningkatkan sumber pendapatan mereka pada masa akan datang," katanya.

# Beri bakul makanan, dekati komuniti

**HULU LANGAT** - Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) menyumbang 40 bakul makanan kepada keluarga kurang berkemampuan di Kampung Kuala Pangsun dan Kampung Sungai Lui, Batu 20, di sini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Raja Ahmad Shahrir Iskandar Raja Salim berkata setiap bakul mengandungi barangan keperluan asas seperti beras, minyak masak dan biskut bernilai RM150.



"Program Bantuan Integriti Makanan ini antara inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) PNSB untuk mendekati masyarakat serta meringankan beban kurang berkemampuan.

"Kami komited untuk terus melaksanakan program CSR atau program bersama masyarakat dari semasa ke semasa," katanya dalam program Perkhemahan Angkatan Mahasiswa Anti Rasuah di sini pada 14 Oktober.

Beliau berkata pihaknya memperuntuk RM15,000 bagi menjayakan pro-

gram tersebut dalam usaha memupuk serta memperkukuh jati diri mahasiswa yang bakal menjadi pemimpin masa depan negara.

Program berkenaan anjuran bersama antara PNSB, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor, Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) serta Persatuan Mencegah Dadah (Pemadam).

Selain itu, 30 pemimpin mahasiswa pelbagai institusi pengajian tinggi turut menjalankan program kemasyarakatan termasuk membersihkan masjid.



**SEMANGAT...** EXCO Pertanian Ir Izham Hashim bersama penerima insentif pembangunan pertanian dalam Persidangan Agro Selangor 2023 di Glenmarie, Shah Alam pada 16 Oktober. Seminar tiga hari itu membincangkan pelbagai isu untuk meningkatkan hasil petani. Foto Facebook Izham Hashim

Beri kesedaran pada ibu bapa

# Karnival anak sihat di setiap daerah

Oleh **SHEEDA FATHIL**

**KLANG** - Karnival Anak Sihat Anak Selangor bakal diadakan ke semua daerah bagi menangani isu tumbesaran kanak-kanak, kata ahli penasihat kesihatan awam negeri.

Dr Mohammad Farhan Rusli berkata program itu memberi kesedaran kepada ibu bapa mengenai kepentingan memberi makanan seimbang kepada anak untuk menangani isu bantut dan kegemukan (obesiti).

Beliau menambah karnival tersebut kesinambungan daripada program pemberian pek makanan berkhasiat

secara terus kepada individu terpilih dengan pelbagai pengisian menarik.

"Antara pengisian karnival ialah demonstrasi masakan makanan sihat, kaunseling pemakanan dan minda sihat, pameran kesihatan serta saringan kesihatan untuk kanak-kanak secara percuma.

"Kita harap acara ini memberi kesedaran kepada ibu bapa untuk menyediakan makanan bernutrisi kepada anak-anak," katanya di Sekolah Kebangsaan (1) Jalan Batu Tiga pada 14 Oktober.

Dr Mohammad Farhan menegaskan masalah berkaitan kanak-kanak bantut dan obesiti kian serius serta perlu ditan-

gani segera menerusi kerjasama semua pihak.

"Tahun depan kita beri perincian secara khusus untuk bantu kanak-kanak ini, mungkin masuk ke sekolah di sekitar negeri ini dan kenal pasti individu yang ada masalah ini," ujarnya.

Sebelum ini, Dato' Menteri Besar mengumumkan seramai 2,800 kanak-kanak dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah di Selangor menerima bantuan makanan berkhasiat.

Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan inisiatif menerusi ASAS itu meliputi pemberian susu tepung penuh krim, biskut, bijirin dan multivitamin dengan peruntukan RM500,000.

## Ikuti panduan jaga anak istimewa

**SEPANG** - Sambutan Hari Palsi Serebrum 2023 sedunia anjuran Gabungan Anak-Anak Palsi Serebrum (GAPS) menjadi panduan ibu bapa dalam menjaga anak orang kelainan upaya (OKU).

Arif Mohd Hashim, 36 mengakui beliau hadir bagi mendapat bimbingan dalam membesarkan anak Muhammad Sher Aziz Hakim, 3, yang mengalami gangguan saraf.

"Aktiviti menarik disediakan penganjur sesuai untuk anak kami. Ia jadi rujukan dan memberi ilmu baharu yang akan membantu proses penjagaan anak saya," kata Arif.

Idayu Mokhtar, 31, pula menyifatkan sambutan tersebut bermakna kepada anaknya Nik Nur Fathia Nik Muhamad Adib Adhwa Mustaqim Syah, 6, yang menghidap palsi serebrum sejak lahir.

"Ia memberi ruang kepada anak saya menunjukkan kegembiraannya memperagakan kostum animasi kegemaran beliau," katanya merujuk program itu di Tamarind Square, Cyberjaya pada 7 Oktober.

Lebih 300 pengunjung hadir dalam acara bermula jam 10 pagi. Pelbagai aktiviti diadakan antaranya pertan-



dingan memperagakan pakaian animasi, permainan baling, dam ular dan bola baling.

Presiden GAPS Rafidah Rafifah Ahmad menjelaskan sambutan tersebut diadakan setiap 6 Oktober secara global bagi memperingati dan menghargai mereka yang menghidap gangguan saraf.

"Saya harap usaha kami menganjurkan sambutan ini bukan sahaja membawa kegembiraan malah mewujudkan kesedaran mengenai palsi serebrum kepada orang awam," katanya.

## 500 penduduk ke jualan murah

**SHAH ALAM** - Hampir 500 penduduk mengambil peluang membeli barangan murah Jualan Ehsan Rahmah (JER) di Pangsapuri Seri Kayan, Pinggiran Subang.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Batu Tiga Darnial Al-Rashid Haron berkata kebanyakan penduduk mendapatkan bekalan beras, telur dan ayam berikutan harganya lebih rendah berbanding pasaran.

"Sambutan menggalakkan. Ramai yang mahu mendapatkan barangan yang dijual di JER kerana harga murah namun berkualiti. Setanding produk di luar.

"Kita hanya sediakan 300 kupon namun yang datang lebih. Bagaimanapun, penganjur maklumkan mereka bawa bekalan lebih untuk pastikan semua dapat membeli," katanya pada 15 Oktober.

Beliau menambah pihaknya akan memastikan JER dilakukan lebih kerap memandangkan majoriti penduduk DUN berkenaan golongan berpendapatan rendah.

## Kelas strategi jualan tingkat pendapatan

**SUBANG JAYA** - Seramai 47 usahawan menyertai kelas pemasaran digital bagi mengembangkan perniagaan dalam talian, kata pemangku ketua pegawai eksekutif Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah).

Normaiza Yahya berkata peserta diajar strategi mempromosi produk dan kaedah harga jualan menerusi aplikasi TikTok dalam program anjuran bersama Yayasan Telekom Malaysia (TM) itu.

"Kita sediakan modul latihan dari peringkat awal iaitu pembukaan akaun TikTok sehingga kemahiran membuat siaran langsung untuk memperkenalkan produk jualan.

"Peserta didedahkan teknik menarik pelanggan membeli di platform ini. Ini antara usaha kita untuk membantu usahawan meningkatkan keuntungan perniagaan," katanya pada 12 Oktober.

## Mohon bantuan daftar taska

**SHAH ALAM** - Ibu bapa di Selangor boleh memohon insentif Yuran Pendaftaran Taska (PINTAS) yang dibuka sejak awal September.

Program kendalian Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) itu menawarkan bantuan sekali bayar RM100 untuk anak berusia empat tahun ke bawah untuk dimasukkan ke taska atau nurseri.

Sebanyak 315 permohonan diterima setakat 15 September. Program tersebut masih dibuka sehingga sasaran kuota 5,000 penerima dipenuhi.

Permohonan boleh dibuat menerusi pautan [pintas.yawas.com.my](https://pintas.yawas.com.my) dengan melampirkan dokumen dalam tempoh 21 hari.

# Dana negeri bantu Palestin

Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**

**SHAH ALAM** - Beberapa hari selepas serangan balas rejim Israel pada 7 Oktober, tular sekeping gambar trak merah bantuan Global Peace Mission (GPM) ketika penduduk Gaza mencari mangsa runtuh bangunan.

Selain ambulans, tiga buah kenderaan disediakan badan sukarelawan Malaysia itu dengan bantuan dana hampir RM1 juta yang dikutip Kerajaan Negeri pada 2021 sewaktu Palestin dibom rejim Zionis.

Ketua pegawai eksekutif GPM Ahmad Fahmi Mohd Samsudin mengesahkan kenderaan itu, dikenali kereta pertahanan awam, namun beliau tidak dapat memastikan lokasi dan tarikh kejadian.

"Trak ini macam jentera bomba di Malaysia, ada peralatan untuk membantu mangsa-mangsa runtuh," katanya, dengan menjelaskan GPM menerima foto pada 9 Oktober.

Setakat 16 Oktober, portal stesen televisyen Al Jazeera melaporkan 6,000 bom dijatuhkan dalam tempoh seminggu yang menyebabkan hampir 65,000 unit kediaman musnah dan sejuta war-

ga Palestin hilang tempat berlindung.

Seramai 2,808 rakyat Palestin di Gaza terkorban. Daripada jumlah itu, 1,030 adalah kanak-kanak. Sementara 10,859 individu lagi cedera.

Ahmad Fahmi bagaimanapun menjelaskan kenderaan dan ambulans yang mula digunakan sejak dua tahun lepas harus diletakkan dalam kawasan selamat kerana dibimbangi menjadi sasaran serangan bom Israel.

Pada Jun 2021, melalui GPM, Kerajaan Selangor menyumbang dana bagi menyediakan empat kenderaan tersebut, bahan bakar, set penjana elektrik, ubatan dan makanan bagi meringankan beban penduduk Palestin.

Serangan mengejut Gerakan Penentangan Islam ( Hamas) pada 7 Oktober melibatkan pelancaran 5,000 bom roket dan penyusupan melalui darat, laut dan udara.

Ia dilancar sebagai tindakan balas terhadap pencerobohan tentera Israel di Masjid al-Aqsa dan juga rampasan tanah warga Palestin yang semakin meningkat.

Ketika membenteng belanjawan negara pada 13 Oktober, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumum-



kan bantuan RM100 juta yang akan dikutip termasuk dari syarikat milik kerajaan dan swasta.

Bagi menyelaras dana di peringkat negeri pula, Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) menubuhkan Tabung Ke-manusiaan Palestin yang dikumpul dari

seluruh masjid dan surau.

Orang awam boleh menyumbang ke tabung ini melalui akaun **Maybank** Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (Tijari), bawah kendalian Jais, bernombor **5621 0671 8620** dengan menyatakan rujukan penerima **Pray For Gaza**.

## Bahaya bom fosforus putih kepada warga Gaza

Oleh **DR ZAMIR MOHYEDIN**

**K**onflik Israel-Palestin baru-baru ini menimbulkan kemarahan masyarakat apabila Human Rights Watch (HRW) mengesahkan rakaman video yang menunjukkan rejim itu menggunakan senjata fosforus putih dalam operasi ketenteraannya di Gaza dan Lubnan.

Rentetan itu, pasukan pertahanan Israel (IDF) menafikan penggunaannya di Gaza. Namun, IDF tidak memberikan sebarang jawapan tentang penggunaan ke atas Lubnan.

Penggunaan ini bukanlah pertama kali. Pada 2006 di Lubnan dan, antara 2008 hingga 2009, sewaktu Perang Gaza, Israel mengakui menggunakan fosforus putih dalam operasi walaupun pada peringkat awal menafikannya.

HRW telah mengesahkan ketulenan rakaman video yang tersebar itu melalui pakar senjata. Ia juga mengesahkan lokasi dan waktu kejadian.

Penggunaan fosforus putih sebagai senjata bermula sejak Perang Dunia lagi. Amerika Syarikat pernah menggunakannya ketika Perang Iraq pada 2004.

Malah Rusia pernah dituduh menggunakan bahan kimia berbahaya ini ketika menyerang Ukraine pada 2022.

Fosforus putih merupakan unsur paling mudah menyala apabila berinteraksi dengan udara. Nyalaannya menghasilkan haba setinggi dari 1,500° Celcius hingga 2,500° Celcius.

Ia muncul dalam keadaan tidak berwarna, putih

ataupun kuning dan berbau seperti bawang putih.

Fosforus putih akan terus menyala dan membakar selagi mana adanya oksigen. Ia akan berhenti menyala kalau tiada oksigen ataupun selepas semua fosforus putih itu habis terbakar.

Selagi tidak habis, ia akan terus membakar. Disebabkan fosforus putih tidak stabil, ia biasanya disimpan di dalam air.

Walaupun air terdiri daripada oksigen, fosforus putih hanya bertindak balas kepada dioksigen (O<sub>2</sub>), bukan monoksigen (O) yang terkandung dalam air.

### Tidak sengaja

Fosforus putih tidak dapat dijumpai secara semula jadi. Ia pertama kali dihasilkan secara tidak sengaja oleh Hennig Brand dalam usahanya untuk menghasilkan batu filsuf (philosopher's stone).

Ia terhasil sewaktu Brand memanaskan air kencing yang mengandungi fosfat dan bahan berkarbon. Fosforus berasal daripada bahasa Yunani yang bermaksud "pembawa cahaya" kerana ia bersinar di dalam gelap.

Kadar toksik fosforus putih bergantung pada dosnya. Apabila fosforus putih dicucuh pada tubuh manusia pada dos yang tinggi, kulit kita akan terus mengelupas, koyak dan berlubang sehingga ke tulang.

Malah, ia berpotensi membawa kepada kematian. Pada dos yang rendah, kesannya dapat membuatkan

tubuh badan kita tidak selesa, muntah-muntah dan pening kepala.

Bahayanya fosforus putih kepada manusia bukan hanya kerana sifatnya yang membakar, tetapi juga kerana sifatnya sangat mudah terlarut dengan lemak, tuntas terlarut dengan tubuh manusia.

Disebabkan sifat ini, ia dapat memberikan kesan jangka masa panjang kepada organ-organ penting seperti jantung, buah pinggang dan hati.

Undang-undang antarabangsa tidak mengharamkan penggunaan fosforus putih di dalam peperangan dengan syarat ia tidak disasarkan ke atas orang awam dengan sengaja. Penggunaan ke atas orang awam dianggap sebagai jenayah perang.

Namun, di dalam peperangan, tempias ke atas orang awam tidak dapat dielakkan.

Malah, hampir mustahil untuk membezakan antara tentera dan orang awam ketika berperang di kawasan padat penduduk.

Peraturan ini sebenarnya menyulitkan untuk menentukan sama ada suatu pihak itu sengaja menggunakan fosforus putih ke atas orang awam ataupun tidak.

Untuk membuktikan fosforus putih digunakan itu mudah. Sengaja ataupun tidak ia digunakan ke atas orang awam, amat rumit untuk disiasat.





## SIBS gapura Asean



**S**idang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS), antara 19 hingga 22 Oktober, menjadi landasan terbaik menarik pelabur bagi mengangkat negeri ini sebagai pintu masuk Asean.

Bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, SIBS kali ketujuh menentangakan tujuh kluster teras termasuklah elektrik dan elektronik, sains hayat, pembuatan makanan dan minuman, pelaburan digital dan perkhidmatan logistik.

Dalam soal jawab secara bertulis dengan EXCO Pelaburan dan Perdagangan Ng Sze Han pada 5 Oktober, beliau menjelaskan SIBS menjangka urus niaga yang diraih bernilai RM1.5 bilion. Teks disediakan DANIAL DZULKIFLY dan NADIAH ZAMLUS.

**Pada 2022, SIBS menyaksikan penyertaan 44,342 pelawat, 906 gerai pameran dan menampilkan 104 penceramah. Dengan kehadiran 380 pembeli, acara itu mempunyai potensi nilai transaksi sebanyak**

**RM1.45 bilion. Untuk tahun ini bagaimana jangkakan kehadiran pelawat dan peserta?**

Pada tahun ini SIBS dijangka boleh menarik 50,000 pengunjung dan 1,000 gerai. Untuk penyertaan, kita sudah ada peserta dari 60 negara termasuk perwakilan, pelawat perdagangan dan penceramah persidangan.

Jumlah kehadiran lebih kurang sama dengan tahun lalu kerana urusan perniagaan telah pulih seperti biasa selepas wabak Covid-19 melanda dunia. Sementara itu, potensi transaksi kami anggarakan mencecah RM1.5 bilion berbanding RM1.45 bilion pada 2022.

**Apa sektor utama dan tema SIBS pada tahun ini? Ada sektor tertentu yang akan diketengahkan?**

Selangor secara amnya memberi tumpuan kepada beberapa sektor utama dalam usaha promosi pelaburan. Sektor utama di Selangor adalah elektrik dan elektronik, peralatan pengangkutan, pembuatan makanan dan

minuman, jentera dan peralatan, sains hayat, pelaburan digital dan perkhidmatan logistik.

Daripada tujuh sektor berkenaan, tumpuan acara sepanjang SIBS antaranya pembuatan makanan dan minuman, sains hayat, pelaburan digital, jentera dan peralatan, logistik serta perkhidmatan.

Selain itu, SIBS bertujuan mempromosikan Selangor sebagai pintu masuk Asean yang mampu menarik pengilang dan pengeksport yang ingin mengembangkan perniagaan di rantau ini melalui Selangor.

**Apabila strategi pelaburan negara berkembang, bagaimana SIBS merancang untuk mengikut rentak strategi berkenaan?**

Kami melihat tumpuan kerajaan persekutuan dalam Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) yang dikeluarkan baru-baru ini tepat pada masanya, sesuai dengan hasrat negara untuk menjadi destinasi pelaburan terbaik di rantau ini.

Sebagai usaha Kerajaan Negeri, SIBS juga akan menjayakan hasrat dan hala tuju kerajaan persekutuan. Malah pada tahun ini SIBS mengadakan lebih banyak kerjasama dengan kerajaan pusat.



7TH SELANGOR  
INTERNATIONAL BUSINESS  
SUMMIT  
2023

19-22  
OCTOBER  
2023

KUALA LUMPUR  
CONVENTION  
CENTRE



# PNSB pacu kejayaan negeri Selangor

## Selaku Ketua Pegawai Eksekutif PNSB, boleh YM perkenalkan PNSB?

Permodalan Negeri Selangor Berhad atau PNSB merupakan sebuah anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Selangor di bawah seliaan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI). Diperbadankan pada 15 Oktober 1990, PNSB mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Disember 1991. PNSB ditubuhkan untuk mengambil alih operasi komersial Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Perbadanan) (PSKS) atau Selangor State Incorporation (SSI).

## Apakah bidang dan tugas utama PNSB?

Pembangunan hartanah merupakan bidang utama yang diceburi oleh PNSB dan telah menjana sumber utama pendapatan dan keuntungan syarikat selain daripada perkhidmatan seperti insurans, perunding profesional, pengurusan projek dan pelaburan yang dilaksanakan melalui anak-anak syarikat.

## Apakah visi dan misi PNSB?

PNSB menyasarkan untuk menjadi sebuah konglomerat yang dinamik, berwibawa dan berprestasi tinggi. Misi PNSB adalah untuk memacu perjalanan transformasi ekonomi Selangor ke arah kemakmuran bersama menjelang 2026. Bermotokan "membentuk Selangor untuk hari esok", PNSB akan terus berikhtiar agar misi dan visi ini menjadi kenyataan serta membantu rakyat negeri yang memerlukan.

## Terangkan visi jangka panjang YM untuk syarikat dan bagaimana pelan mencapainya?

Saya berhasrat untuk membawa PNSB ke tahap kejayaan yang dinamik terutama dari sudut pendapatan syarikat agar memberi pulangan khusus kepada kerajaan negeri dan rakyat, amnya. Ke arah itu, pihak syarikat telah merangka pelan perniagaan jangka panjang dalam usaha menempa kejayaan yang lebih signifikan di masa hadapan.

Temu bual bersama  
**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PNSB,  
Y.M. RAJA AHMAD SHAHRIR ISKANDAR  
RAJA SALIM**



## Nyatakan projek perumahan atau perniagaan komersial yang berjaya dibangunkan?

PNSB telah berjaya membangunkan projek secara usaha sama dengan pemaju-pemaju swasta sekitar negeri Selangor antaranya di daerah Klang, Petaling, Sepang, Kuala Langat, Sabak Bernam dan lain-lain lagi. PNSB juga berjaya membangunkan dua pembangunan bandar baru iaitu Bandar Baru Salak Tinggi dan Bandar Baru Klang. Sementara itu, Sepang Gold Coast adalah projek mega yang berjaya dibangunkan dan merupakan projek ikon negeri Selangor.

Terbaharu, PNSB kini sedang membangunkan projek perumahan Taman Sungai Yu Indah, Kuala Selangor. PNSB turut menjadi penyelamat dengan mengambil alih dan memulihkan projek bermasalah dan terbengkalai di Taman Alam Perdana, Kuala Selangor; Taman Seri Kerayong, Klang dan Taman Harmoni, Balakong.

## Apa sasaran YM dalam masa terdekat untuk PNSB?

Kita akan meneroka sumber pendapatan baharu syarikat bagi mengharungi suasana ekonomi yang semakin mencabar ekoran kemelesetan ekonomi global. Kita telah mengenal pasti berapa bidang tanah milik PNSB yang berpotensi untuk dimajukan dan perancangan sedang giat berjalan antaranya pembangunan bercampur di atas tanah seluas 65 ekar di Kuala Selangor. Dengan kerjasama MBI dan Kerajaan Negeri, PNSB sedang merancang dan menyusun projek tersebut agar dapat berjalan rapi dan teratur serta memberi pulangan yang berfaedah kepada syarikat dan juga negeri.

## Selain pembangunan hartanah, apakah bidang lain yang diceburi PNSB?

Selain perkhidmatan dan khidmat nasihat profesional di dalam bidang insurans yang dikelola oleh PNSB Insurance Brokers Sdn Bhd, PNSB Innovation Ventures Sdn Bhd atau PIV telah diberi tanggungjawab untuk meneroka peluang pelaburan

baharu untuk PNSB. Justeru, pada September 2023 PNSB telah melancarkan Dana Modal Teroka yang berupaya membuat pelaburan ke dalam syarikat-syarikat pemula yang berpotensi.

PNSB merupakan anak syarikat Kerajaan Negeri pertama di Malaysia yang mengendalikan modal teroka dengan disokong penuh oleh Kerajaan Negeri Selangor. Terkini, melalui dana modal teroka ini dan melalui PIV, telah membuat pelaburan ke dalam syarikat iMotorbike.

## Menerusi penyertaan Selangor International Business Summit 2023 (SIBS), apakah harapan YM?

PNSB bersama-sama dengan MBI dan anak-anak syarikat kumpulan MBI yang lain mengambil bahagian di dalam SIBS 2023 melalui pameran di Pavilion MBI. Saya berharap, dengan persidangan ini dapat memberi pendedahan kepada pengunjung dan peserta terhadap inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor, PNSB dan agensi-agensi berkaitan agar dapat membawa masuk pelaburan baharu ke negeri ini.

## Apakah harapan YM sendiri untuk masa hadapan PNSB?

Saya berharap agar PNSB akan terus maju seiring dengan kemajuan negeri Selangor, sesuai dengan slogan #Kita Selangor Maju Bersama. Saya juga percaya warga kerja PNSB sama-sama menyumbang kepada visi dan misi kami dalam menambahbaik dan meningkatkan kualiti kerja di PNSB seiring dengan pembangunan dan kemakmuran negeri Selangor.

Saya percaya dengan keupayaan Lembaga Pengarah PNSB baharu yang lebih berdaya saing akan memperkasakan lagi syarikat dan berupaya meningkatkan kredibiliti PNSB.

Bagi menyahut aspirasi Kerajaan Pusat membudayakan amalan E.S.G. (Environment, Social & Governance) yang mampan dan lestari selari dengan Matlamat Inisiatif SDG (Sustainable Development Goals), PNSB juga bercadang dan sedang mengkaji untuk mempraktikkan proses itu di dalam tadbir urus syarikat dan pembangunan projek-projek PNSB di masa hadapan. Saya percaya PNSB kini berada di atas landasan yang tepat dan sepakat untuk mencapai matlamat demi meningkatkan kesejahteraan rakyat dan negeri Selangor.

# SDEC 2023 promosi teknologi AI

## Pacu inovasi pelbagai sektor di Selangor

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR  
Foto AHMAD ZAKKI JILAN

SHAH ALAM - Konvensyen Bandar Pintar dan Ekonomi Digital Selangor 2023 (SDEC 2023) adalah platform penting untuk mempromosikan ekosistem teknologi mendalam (deep technology) yang semakin berkembang pesat di Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (Sidec), Yong Kai Ping berkata, peralihan kepada teknologi mendalam seperti kecerdasan buatan (AI), automasi dan bioteknologi dalam pelbagai bidang mampu menyokong inisiatif sifar bersih dan matlamat mencapai bandar pintar.

Jelasnya, SDEC 2023 bakal mendorong pemahaman mengenai keunggulan penggunaan teknologi terkini dalam pelbagai bidang seperti penjagaan kesihatan, mobiliti, e-dagang, pemasaran digital, pangkalan data, alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

"Justeru kita mahu ketengahkan ekosistem ini dalam pameran dan seminar SDEC 2023 supaya lebih ramai tahu dan menceburkan diri dalam bidang berkenaan.

"Ekosistem ini sebenarnya sedang berkembang pesat di Malaysia dan banyak syarikat mempunyai kepakaran dan sedang memanfaatkan kelebihan teknologi ini," katanya dalam temu bual di pejabatnya pada 11 Oktober.

Kai Ping berkata, lebih 60 panelis daripada organisasi terkemuka dalam dan luar negara termasuk Microsoft,

Google, Cradle, Intel, Qarbotech dan Alibaba Cloud terlibat dalam seminar dan sidang kemuncak yang dijadualkan berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 19 hingga 22 Oktober ini.

"Kita jemput pelbagai syarikat dan pakar yang akan mengupas pelbagai topik daripada sekecil-kecil perkara seperti bimbingan hingga kepada potensi pembiayaan.

"Antara yang akan diadakan termasuk Sidang Kemuncak Pendigitalan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS): Memacu Pertumbuhan Jutaan Dolar dalam Era Digital dan Sidang Kemuncak Pelabur Bioteknologi.

"Selain itu, Sidang Kemuncak ESG PKS: Memacu Transformasi Mampan dalam bidang Makanan dan Minuman dan Rantaian Bekalan Runcit dan AI serta Sifar Bersih," katanya.

Mengulas lanjut katanya, kecanggihan AI mampu menghasilkan analisis data terperinci mengenai perilaku pengguna yang sangat membantu pengusaha e-dagang menjalankan perniagaan mereka selain turut memainkan peranan penting dalam membangunkan bandar pintar.

"Menerusinya kecekapan pengurusan bandar dan kualiti perkhidmatan awam dapat ditingkatkan termasuk analisis data masa nyata seperti data trafik, penggunaan tenaga dan perubahan cuaca.



"Ini membolehkan pihak berkuasa bandar mengambil tindakan bijak dalam pengurusan trafik, penggunaan air dan tenaga elektrik sekali gus mengurangkan kesesakan trafik, pemeliharaan bandar yang lebih lestari dan mengurangkan kos pengurusan bandar secara keseluruhan," katanya.

SDEC 2023 merupakan sebahagian daripada enam acara utama yang dianjurkan sempena Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) 2023.

## SDEC 2023

- **Tarikh:** 19 - 22 Oktober 2023
- **Lokasi:** Pusat Konvensyen Kuala Lumpur
- **Tema:** Merevolusikan Landskap Digital dengan Kecerdasan Buatan (AI), Sifar Bersih dan Bioteknologi
- SDEC 2023 menampilkan 250 gerai pameran, tiga persidangan utama dengan 13 topik menarik dan 60 penceramah berpengalaman yang berkisar tentang perbincangan mengenai ESG (persekitaran, sosial dan tadbir urus), pitching pemula dan sidang kemuncak pelabur serta pendigitalan PKS.
- Rakan Kongsi Strategik: Affin Bank, Lazada, Pos Malaysia, Easy Store Yinson, Fusionex dan banyak lagi.
- SDEC menyasarkan untuk mencapai nilai pelaburan RM150 juta, tiga kali lebih tinggi daripada RM50 juta yang dicapai tahun lepas.




7<sup>TH</sup> SELANGOR INTERNATIONAL BUSINESS SUMMIT 2023

19-22 OCTOBER 2023

KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE

# #SIBS 2023 Pelan Keseluruhan Dewan



**HALL 6,7&8**  
Level 1,3 & 4



19-20 OCT 2023  
**PLENARY HALL**  
Level 3



**GRAND BALLROOM**  
Level 3, East Wing



**CONFERENCE HALL 1,2&3**  
Level 3, West Wing



**HALL 4&5**  
Level G



**HALL 1&2**  
Level G  
**PLENARY THEATRE**  
Level 3, West Wing

## MAJLIS PERASMIAN SIBS 2023

Oleh **YANG AMAT BERTHORMAT DATO' MENTERI BESAR SELANGOR, DATO' SERI AMIRUDIN SHARI**



**MASA: 3 PETANG**

**TARIKH: 19 OKTOBER 2023**

**LOKASI: PLENARY HALL, TINGKAT 1**

### APA YANG MENARIK?

- » Sesi dialog oleh panel ternama dalam dan luar negara
- » Jualan dan pameran pelbagai produk
- » Pertandingan
- » Demonstrasi masakan
- » Cabutan bertuah



7<sup>TH</sup> SELANGOR INTERNATIONAL BUSINESS SUMMIT 2023

**19-22 OKTOBER 2023**

**KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE**

Temui kami di reruai 7040, Hall 7 & langgan newsletter kami untuk penebusan baucar.

**BAUCAR BARANGAN RUNCIT bernilai**

# RM5,000

**untuk direbut!**



MediaSelangor

\* Tertakluk kepada Terma & Syarat.

\* Terhad kepada 1 baucar untuk setiap orang.

\* Tertakluk kepada had penebusan harian atau sementara stok masih ada.



Dato' Menteri Besar bertemu Prof Dr Muhammad Abdul Rahman Al-Dhuwaini di Universiti al-Azhar, Kaherah



Amirudin menyerahkan buku terjemahan Ihya Ulumuiddin kepada Dr Abdul Rahman Kilani di Universiti Jordan, Amman



Dato' Menteri Besar menziarahi mantan Mufti Besar Mesir Syeikh Professor Dr Ali Jum'ah di kediamannya di Kaherah



Dato' Menteri Besar menyerahkan majalah Kita Selangor kepada Duta Malaysia Zamani Ismail semasa lawatan ke Mesir



Amirudin dan delegasi Kerajaan Selangor bersama Duta Malaysia ke Jordan Mohamad Nasri Abdul Rahman ketika pertemuan di kedutaan itu



Dato' Menteri Besar bersama pelajar Selangor dari kampus Mesir, Jordan dan Maghribi ketika dialog khas di sebuah hotel di Amman

# Mencari cahaya ilmu

DATO' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengetuai rombongan Kerajaan Negeri melawat pelajar Selangor di Mesir dan Jordan antara 6 hingga 12 Oktober. Rombongan itu disertai EXCO Hal Ehwal Agama Islam Dr Mohammad Fahmi Ngah, Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Haris Kasim, Mufti Dato' Dr Anhar Opir, Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Negeri Dato' Johary Anuar, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor Dato' Mohd Shahzihan Ahmad dan Naib Canselor Universiti Islam Selangor Profesor Madya Dato' Dr Farid Ravi Abdullah. Selain pertemuan dengan ulama tersohor dan duta Malaysia, Amirudin turut menyertai Konvensyen Mahasiswa Selangor Timur Tengah bagi berkongsi

pandangan dan menerima maklum balas penuntut dari Mesir, Jordan dan Maghribi. Selain meninjau pembinaan asrama baharu untuk penuntut Selangor di Mesir, Dato' Menteri Besar juga melawat penempatan penuntut di Jordan. Ketika lawatan itu, Kerajaan Negeri dan Universiti al-Azhar menyatakan hasrat bekerjasama dalam bidang pendidikan Islam sewaktu pertemuan Amirudin dengan wakilnya Professor Dr Muhammad Abdul Rahman al-Dhuwaini. Foto disediakan Pejabat Dato' Menteri Besar, manakala keterangan gambar oleh HAFIZAN TAIB.

Dato' Menteri Besar, Dr Fahmi, Mohamad Nasri, Johary dan Shahzihan bersama penuntut ketika Konvensyen Mahasiswa Selangor Timur Tengah di Amman



Penuntut berdialog dengan Amirudin dalam Bual Bicara Mahasiswa Selangor Timur Tengah di Universiti Yarmouk, Amman



Amirudin dan delegasi Kerajaan Negeri bersama warga Malaysia di Jordan dalam majlis makan malam di Amman



Pelajar mengajukan soalan dalam Bual Bicara Mahasiswa Selangor Timur Tengah di Universiti Yarmouk, Amman



Dato' Menteri Besar berucap dalam pertemuan ramah mesra bersama mahasiswa Selangor di Kaherah



Amirudin diberi penerangan mengenai pembinaan asrama mahasiswa Selangor di Kaherah



Dato' Menteri Besar bersama penuntut Selangor di hadapan penempatan mahasiswa di Amman



Peserta Konvensyen Mahasiswa Selangor Timur Tengah berswafoto dengan Amirudin



Rombongan Kerajaan Negeri diketuai Amirudin melawat lokasi bersejarah gua Ashabul Kahfi di Amman



Kita perlu memupuk usahawan berdampak tinggi yang akan menyumbang kepada daya inovasi, penciptaan pekerjaan dan kekayaan baharu yang memberi kesan kepada masyarakat

► DARI MUKA 9

**Bagaimanakah SIBS boleh menggalakkan perniagaan tempatan di Selangor dan ekonomi keseluruhannya?**

Potensi nilai urus niaga yang dijana melalui sidang kemuncak SIBS ini menunjukkan rundingan dan minat sebenar pembeli dan pelawat perdagangan. Minat itulah akan menjana permintaan daripada rantai bekalan dan dengan itu membantu mengembangkan aktiviti ekonomi secara keseluruhannya.

Oleh itu, mereka yang belum mempunyai operasi di Selangor mungkin akan memutuskan untuk berbuat demikian bagi mempercepatkan pengedaran dan pergerakan barangan selepas sidang kemuncak berkenaan.

Kerajaan Selangor juga percaya dengan penganjuran acara antarabangsa seperti ini, ia membantu penjenamaan negeri, mencerminkan kepentingan Selangor kepada Malaysia dan rantau ini sebagai pintu masuk ke Asean.



**Berdasarkan kejayaan lepas, apakah strategi SIBS gunakan untuk memperkukuhkan kedudukannya di peringkat antarabangsa dan menarik lebih banyak kumpulan atau pelaburan?**

Kami giat mempromosikan SIBS melalui pelbagai saluran termasuk media baharu untuk mendapatkan pengunjung yang lebih meluas. SIBS juga aktif menyertai ekspo antarabangsa sejak tahun lalu, sekali gus membolehkannya berhubung dengan rakan kongsi yang berpotensi dan sebar luas SIBS di pentas dunia.

Di peringkat Asia Tenggara, SIBS telah memulakan jerayawara serantau, bertemu kumpulan perniagaan, jabatan kerajaan serta ejen ekspo untuk mendapatkan kerjasama bagi menarik delegasi untuk menghadiri sidang kemuncak ini.

**Bagaimana Kerajaan Negeri meneruskan kerjasama dengan agensi kerajaan dan pemegang taruh untuk menjana lagi pelaburan dan meningkatkan persekitaran mesra perniagaan di Selangor?**

Kerjasama dengan agensi kerajaan dan pihak berkepentingan sentiasa menjadi tonggak utama bagi menjana pelaburan dan mewujudkan persekitaran mesra perniagaan di Selangor.

Usaha ini termasuk mengadakan mesyuarat bulanan yang membolehkan semua pihak berkenaan termasuk pelabur membincangkan dan menyelesaikan sebarang cabaran yang mungkin dihadapi semasa menjalankan aktiviti perniagaan di sini.

Pertemuan ini berperanan sebagai ruang dialog terbuka, membolehkan kami menangani hal berbangkit dengan segera dan mempercepat proses. Melalui cara ini, keperluan dan maklum balas pelabur didengar dan Kerajaan Negeri bertindak bagi memajukan keseluruhan langkah pelaburan.

**Selain SIBS, apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk merencanakan lagi pembabitan usahawan tempatan dalam pelaburan langsung domestik?**

Kerajaan Negeri membina ekosistem mampan yang menggalakkan syarikat pemula dan berteknologi berkembang, sambil membantu kegiatan ekonomi sedia ada meningkatkan produktiviti dan pendigitalan. Kita perlu memupuk usahawan berdampak tinggi yang akan menyumbang kepada daya inovasi, penciptaan pekerjaan dan kekayaan baharu yang memberi kesan kepada masyarakat.

Contohnya, Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (Sidec). Syarikat milik Kerajaan Negeri ini berusaha memacu peralihan digital di Selangor sebagai hab ASEAN. Sidec memberi tumpuan kepada tiga sektor utama iaitu e-dagang, syarikat pemula dan pendigitalan perusahaan kecil sederhana (PKS).

Sidec juga memupuk bakat digital dan merapatkan jurang digital di Selangor. Ia juga berhasrat mempercepatkan syarikat pemula negeri ini agar menjadi ikon teknologi serantau.

## Sejarah perkembangan SIBS

### SIE 2015

- dikenali Ekspo Antarabangsa Selangor (SIE)
- promosi sektor makanan dan minuman
- tarik 4,316 pengunjung

### SIE 2016

- sidang bandar pintar, perniagaan dan taman industri diperkenal
- pengunjung seramai 10,689

### SIBS 2017



- mula dijenama kepada SIBS
- lebih 22,000 pelawat dalam 10 hari penganjuran
- rekod 8,069 pelawat perdagangan global
- SIE jadi sebahagian SIBS, ditambah Bandar Pintar Selangor dan Konvensyen Perdagangan Masa Depan serta Persidangan Perniagaan Selangor-Asean

### SIBS 2018

- rekod RM204.2 juta nilai transaksi
- lebih 22,000 pelawat dalam empat hari penganjuran



### SIBS 2019

- catat RM447.3 juta nilai transaksi
- tarik 34,683 pelawat sepanjang empat hari berlangsung
- acara utama termasuk Ekspo Teh dan Kopi Antarabangsa Malaysia, Persidangan Usahawan Malaysia-China, Festival Masakan Selangor dan Persidangan Halal Antarabangsa Selangor



### SIBS 2020

- dianjurkan secara maya rentetan Covid-19
- 170,000 khalayak digital dari 54 negara selama empat hari
- 51 penceramah, 286 pempamer dan padanan perniagaan bernilai lebih RM1 juta direkod

### SIBS 2021

- dianjurkan secara dalam talian dan bersemuka
- 25,410 pelawat dan 180,000 pelawat maya sepanjang empat hari
- RM217.6 juta nilai urus niaga
- pengenalan Ekspo Antarabangsa Selangor (Perubatan) 2021 dan Ekspo Taman Perindustrian Selangor (SPARK) 2021

### SIBS 2022

- hampir 50,000 pelawat awam dan perdagangan sepanjang empat hari
- capai rekod transaksi RM1.45 bilion
- antara acara Sidang Kemuncak Antarabangsa Selangor untuk Makanan dan Minuman ke-8, Persidangan Perniagaan Asean Selangor ke-6, Konvensyen Bandar Pintar dan Ekonomi Digital Selangor ke-7, Ekspo R&D dan Inovasi Selangor ke-3, dan Ekspo Taman Perindustrian Selangor ke-2

# Belanjawan 2024: Manfaat untuk rakyat

**B**elanjawan 2024 dibentang Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 13 Oktober, dapat memacu usaha memulih keadaan semasa, rentetan cabaran dan kesan ekonomi global.

Bertema Reformasi Ekonomi, Memperkasa Rakyat, antara tumpuan rang undang-undang perbekalan itu meningkatkan taraf hidup kumpulan rentan seperti pesawah, peniaga kecil dan golongan pendapatan rendah (B40).

Wartawan NADIAH ZAMLUS menyusun intisari manfaat yang diperoleh golongan sasaran dalam belanjawan persekutuan kali ini. Ia termasuk insentif, geran, rebat dan pengecualian cukai.

## KELUARGA B40

- rebat elektrik RM40 sebulan
- pengecualian deposit akaun bil nama sendiri
- Jualan Rahmah diperluas ke lebih banyak DUN seluruh negara
- Sumbangan Tunai Rahmah (STR) meningkat ke RM3,700
- meluas Sumbangan Asas Rahmah kepada 700,000 penerima STR yang terima RM100 sebulan
- RM500 juta tingkat penyertaan rakyat miskin tegar ikuti program Inisiatif Pendapatan Rakyat bagi tambah pendapatan
- 100,000 topi keledar percuma termasuk untuk kanak-kanak keluarga kurang mampu
- bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin kepada murid tahun satu sehingga tingkatan tiga



## PENJAWAT AWAM

- RM2.4 bilion bina, senggara dan baiki kuarters penjawat awam, guru, hospital, anggota polis, tentera dan bomba
- insentif RM2,000 kepada penjawat awam gred 56 dan ke bawah termasuk lantikan kontrak
- RM1,000 kepada jawatan utama sektor awam termasuk polis, bomba, tentera, angkatan bersenjata dan anggota beruniform
- bayaran pada akhir Februari 2024



## WANITA DAN PERUBATAN

- RM720 juta galak wanita ceburi perniagaan
- RM40 juta laksana Program Shop Malaysia Online galak berniaga dari rumah
- RM25 juta perkasa peranan Pusat



Ekonomi Digital di setiap DUN untuk galakkan peniaga kecil berniaga dari rumah

- had caruman i-Suri KWSP naik ke RM300 setahun, terhad RM3,000
- Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah diteruskan, manfaat lebih 400,000 wanita
- Program i-Sayang KWSP untuk isteri pindah dua peratus caruman syer pekerja kepada suami
- perluas skim Perubatan MADANI dan manfaatkan 700,000 rakyat



## USAHAWAN MIKRO DAN PENIAGA KECIL

- RM1.4 bilion pinjaman mikro BSN untuk penjaja dan pengusaha kecil
- RM330 juta pinjaman Tekun biaya peniaga kecil
- RM100 juta geran pendigitalan untuk lebih 20,000 usahawan kecil sederhana



- RM900 juta dana pinjaman BNM tingkat niaga melalui automasi dan pendigitalan
- pengecualian sewa kios enam bulan pertama untuk rakyat berniaga



## PELAJAR

- yuran daftar masuk universiti awam tidak lebih RM1,500
- pelajar tidak mampu bayar yuran pengajian tidak disekat daftar subjek setiap semester
- subsidi tiket penerbangan untuk 60,000 pelajar keluarga kurang mampu
- diskaun bayaran pinjaman PTPN bermula 14 Oktober 2023 sehingga 31 Mac 2024
- RM100 juta sedia pensijilan profesional diiktiraf industri kepada graduan teknikal dan vokasional (TVET)
- RM20 juta untuk pelatih bidang maritim, kesenian di



Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan dan penyelenggaraan sektor aeroangkasa

- RM17 juta laksana Program Tahfiz TVET
- RM20 juta laksana program Pra-Tahfiz Kemas untuk lahirkan 100,000 hufaz cilik menjelang 2026

**PENGGIAT SENI**

- Pengecualian duti hiburan persembahan pentas artis tempatan
- Pengurangan 10 peratus duti hiburan persembahan pentas artis antarabangsa dan acara hiburan
- RM50 juta kepada agensi berpotensi untuk pergiat seni dan sastera, teater warisan serta pupuk minat baca karya agung
- RM60 juta Dana Kandungan Digital promosi karya tempatan dan menyokong kandungan berterasi nilai kenegaraan
- RM90 juta inisiatif Film in Malaysia Incentive (FIMI) untuk galak hasilkan filem taraf antarabangsa
- RM10 juta Skim Dana Padanan MyCreative sokong anak seni hasil projek kreatif



**BELIA**

- tingkat kadar minimum STR belia kepada RM500
- teruskan tanggungan bayaran lesen motosikal kelas B2, e-panggilan dan teks untuk lebih 40,000 belia keluarga kurang mampu
- ganjaran RM500 untuk belia jadi sukarelawan badan diiktiraf kerajaan



**PENGANGGUR DAN ORANG KURANG UPAYA (OKU)**

- RM35 juta biaya latihan dan insentif gantian pendapatan kepada 9,000 pekerja ekonomi sampingan
- 50,000 peluang kerja bawah MyFutureJobs secara kontrak dalam sektor awam dan syarikat berkaitan kerajaan mulai Januari 2024
- naik elaun pelatih OKU Program Pemulihan Dalam Komuniti RM300 sebulan



**PESAWAH DAN NELAYAN**

- tingkat harga rantai belian padi RM1,300 per metrik tan
- elaun sara hidup nelayan RM300 dan Insentif Hasil Tangkapan Nelayan RM1,000 sebulan
- RM10 juta bina baharu dan baik pulih rumah nelayan uzur
- RM50 juta bekul baja bio dan organik untuk 50,000 pesawah
- RM50 juta Tabung Bencana Pertanian untuk pampasan sehingga 50 peratus nilai kerugian akibat bencana
- RM50 juta dana Skim Takaful Tanaman Padi untuk lebih 240,000 pesawah
- RM10 juta bantu rakyat terjejas akibat serangan hidupan liar



**MANGSA PENIPUAN / PENGHUTANG**

- tambahan RM10 juta bela mangsa penipuan kerja dan kes

kebakikan lain di luar negara

- Dasar Peluang Kedua bebas muflis golongan usia 40 tahun ke bawah berhutang tidak lebih RM200,000



**PESARA DAN PENTADBIR MASJID**

- tingkat had caruman i-Saraan KWSP RM500 setahun, terhad RM5,000 seumur hidup
- bayar insentif RM1,000 kepada pesara pada Februari 2024
- sumbangan khas RM700 untuk lebih 70,000 guru takmir, Kafa, imam, bilal, siak, noja dan marbut

**PENGGIAT SUKAN**

- Pelepasan cukai beli peralatan dan aktiviti sukan sehingga RM1,000. Ia meliputi yuran latihan sukan
- RM20 juta inisiatif Road to Gold sebagai motivasi raih emas Olimpik pertama pada temasya di Paris 2024
- RM50 juta galak anjur sukan berprestasi tinggi oleh badan sukan dan sektor swasta



**PENGGUNA PENGANGKUTAN**

- menerus pas bulanan My50 kepada lebih 180,000 penduduk Lembah Klang
- rebat sehingga RM2,400 kepada rakyat pendapatan tahunan RM120,000 ke bawah yang beli motosikal elektrik

**KEMUDAHAN AWAM**

- RM150 juta senggara dan baiki tandas awam di 150 PBT seluruh negara
- tindakan 24 jam aduan baiki lubang jalan persekutuan
- 150 bas elektrik dan bina tiga depoh bas dengan kos RM600 juta menyokong keperluan projek LRT3

**PELANCONGAN DAN WARISAN**

- RM20 juta pulihara Tasik Timah Tasoh Perlis, Kenong Rimba Park Pahang dan Pantai Teluk Kemang di Negeri Sembilan
- RM80 juta pulihara bangunan dan tapak warisan berpotensi diiktiraf UNESCO antaranya di Gua Niah Sarawak, Lembah Bujang Kedah dan Royal Belum Perak
- RM20 juta pulihara nilai Kuala Lumpur sebagai bandar raya kreatif dan budaya
- RM47 juta tambah baik kemudahan Lapangan Terbang Tioman dan memanjangkan landasan kepada 1,300 meter





Anwar melancarkan Tabung Palestin seliaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan di Masjid Mahmoodiah, Putrajaya pada 13 Oktober. Hadir sama Menteri Hal Ehwal Agama Dato' Setia Dr Mohd Na'im Mokhtar (tengah). Foto Facebook Anwar Ibrahim

## Salur sumbangan RM100 juta

**SHAH ALAM** - Malaysia akan menyalur bantuan kemanusiaan bernilai lebih RM100 juta bagi membantu rakyat Palestin di Gaza yang berdepan serangan rejim Israel.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengumumkan sumbangan RM10 juta ketika membenteng Belanjawan 2024 berkata bantuan terbaharu itu untuk tabung kemanusiaan dan perubatan.

"Khamis sebelum saya berangkat ke Arab Saudi, RM100 juta disalur khusus ke Gaza untuk tabung kemanusiaan dan perubatan," katanya pada 16 Oktober.

Anwar dijadual berlepas ke Riyadh pada 19 Oktober untuk menyertai persidangan tetap antara Majlis Kerjasama Teluk dan Asean dan acara rasmi di Arab Saudi.

Malaysia lantang mengecam dan menyatakan pendirian tegas supaya kezaliman rejim Israel terhadap penduduk Palestin di Semenanjung Gaza dihentikan serta-merta.

Anwar turut menghubungi ketua-ketua negara termasuk negara Arab dan Turkiye supaya langkah tegas diambil bagi menyekat kepungan Israel ke atas Gaza.

## RM2.4 bilion bina, baiki kuarters

# RM2,000 untuk penjawat awam

Oleh **NAEEM RAFFI**

**SHAH ALAM** - Penjawat awam Gred 56 ke bawah termasuk lantikan kontrak bakal menerima bayaran insentif awal RM2,000 pada hujung Februari tahun depan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana menteri berkata sebanyak RM1,000 turut diberi kepada semua jawatan utama sektor awam termasuk polis, bomba, tentera, angkatan bersenjata dan seluruh anggota berseragam.

Menteri kewangan itu juga menjelaskan insentif dengan nilai sama turut diberi kepada semua pesara kerajaan termasuk veteran berpencen dan

tidak berpencen.

"Bayaran ini akan dibuat secara sekali gus pada akhir Februari 2024 bagi meringankan beban persediaan persekolahan anak-anak, persiapan menjelang Ramadan dan Syawal," katanya.

Anwar menambah Skim Ex-Gratia Bencana Kerja juga ditambah baik dan had siling gaji ditingkat daripada RM4,000 kepada RM6,000 bagi memastikan nasib penjawat awam sentiasa terbela.

Katanya, kenaikan had yang selaras pindaan skim Perkeso bagi sektor swasta membolehkan kadar bayaran faedah bawah skim tersebut meningkat sehingga 50 peratus atau sekitar RM1.6 juta.

"Dengan kata lain, penjawat awam atau waris akan menikmati tuntutan pampasan yang lebih tinggi sekiranya berlaku kemalangan semasa bertugas," katanya.

Beliau juga menjelaskan kerajaan juga akan menyemak semula skim gaji dan elaun tetap penjawat awam yang kali terakhir dibuat pada 2012 dan ia dijangka dimuktamad pada hujung tahun depan.

Anwar juga menjelaskan peruntukan RM2.4 bilion juga diperuntuk bagi membina, menyelenggara dan membaik pulih kuarters penjawat awam, guru, hospital, anggota polis, tentera dan bomba.

## Sedia RM300 juta hadapi banjir

**SHAH ALAM** - Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) menerima peruntukan RM300 juta bagi membuat persiapan menghadapi banjir, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Katanya, RM100 juta disalur segera sejurus pembenteng belanjawan menggunakan dana 2023 bagi memastikan kelancaran persediaan menghadapi bencana itu akhir tahun

ini, lapor Bernama.

"Selain itu, kerajaan bersetuju meningkatkan peruntukan di bawah Tabung Bantuan Bencana Negara tahun hadapan kepada RM200 juta ketimbang (berbanding) RM100 juta tahun ini.

"Nadma juga akan mempertingkatkan tahap penyelesaian pusat pemindahan bagi menjamin kebajikan mangsa," katanya yang juga menteri kewangan.

Anwar menambah ia antaranya menyediakan sembilan pusat pemindahan kekal, membaik pulih tandas, bilik mandi dan stor 1,500 pusat pemindahan sementara selain menyewa tandas bergerak.

Beliau berkata Kerajaan Perpaduan juga sedia menambah peruntukan jika perlu bagi memastikan pengurusan musibah itu pada tahap terbaik.

## Baik pulih 4,100 jalan berlubang

**SHAH ALAM** - Peruntukan RM2.8 bilion disediakan untuk menyelenggara jalan dan jambatan persekutuan di seluruh negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menjelaskan 4,100 jalan persekutuan berlubang dibaiki setakat Ogos, beliau mahu memastikan tindakan diambil dalam tempoh 24 jam setelah menerima aduan kerosakan sesebuah laluan.

Katanya, peruntukan kepada 115 jurutera daerah juga ditambah daripada RM100,000 kepada RM200,000 bagi menangani aduan kecil dan luar jangka, keseluruhan berjumlah RM30 juta.

## Naik taraf tandas awam 150 PBT

**SHAH ALAM** - Tandas awam bawah selenggaraan 150 pihak berkuasa tempatan di seluruh negara akan dibaik pulih pada tahun depan menerusi peruntukan kos RM150 juta.

Menyatakan projek pembaikan tandas 8,354 sekolah hampir siap sepenuhnya tahun ini, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan dana tersebut meliputi kos menyelenggaraan.

"Tidak boleh diterima akal bahawa selama ini kita membiarkan anak-anak mengharungi alam persekolahan dengan kemudahan asas khususnya tandas yang rosak dan uzur.

"Tahun hadapan, tekad yang sama akan diperhebat bagi membaik pulih tandas-tandas awam seluruh negara," katanya.



## Rebat elektrik RM40 sebulan

**SHAH ALAM** - Kerajaan meneruskan pemberian rebat bil elektrik sehingga RM40 sebulan kepada isi rumah miskin tegar menerusi peruntukan RM55 juta.

Menjelaskan pendekatan subsidi bersasar mengikut tahap penggunaan, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata bayaran deposit akaun bil elektrik atas nama sendiri juga dikecualikan.

"Kerajaan berharap keputusan ini memberi isyarat tepat kepada pengguna untuk mempraktikkan kecekapan tenaga dan amalan berjimat cermat dalam penggunaan elektrik seharian," katanya.

Katanya, pendekatan bersasar itu menjimatkan lebih RM4.6 bilion tetapi subsidi RM16 bilion untuk 2023 khususnya pengguna di rumah serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

## RM20 juta atasi kes tipu dalam talian

**SHAH ALAM** - Kerajaan menambah peruntukan Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) kepada RM20 juta berbanding RM10 juta bagi meningkatkan lagi fungsi membanteras jenayah penipuan.

Perdana menteri berkata Bank Negara Malaysia dengan kerjasama sektor kewangan juga sedang membangunkan Portal Fraud Kebangsaan (NFP) yang dijangka siap menjelang pertengahan 2024.

"Dengan kebolehan automasi penjejakan dana, diharap portal ini akan mempercepat tempoh pengesanan, pembekuan dan pemulangan dana," kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau juga menjelaskan NSRC mengendali lebih 49,000 panggilan dan membekukan transaksi bernilai sehingga RM60 juta.

## 3,000 sertai kempen tingkat hasil getah

**SHAH ALAM** - Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda) menyoal 2,856 pekebun kecil akan terlibat dalam penerokaan 8,492 hektar ladang getah tidak bertoreh di Selangor menerusi kempen Gerakan Peningkatan Produktiviti Getah (GPPG).

Pengarah Bahagian Produktiviti dan Pemasarannya Noor Azan Mohd Noor berkata pelaksanaan kempen GPPG penting dalam memastikan sasaran pendapatan keluarga kolektif RM4,500 sebulan bagi pekebun kecil menjelang akhir 2025 dicapai demi kesejahteraan komuniti pekebun kecil.

"Bagi kempen GPPG ini, Risda menyasarkan kira-kira 533,000 hektar ladang getah yang tidak bertoreh bagi memanfaatkan seramai 221,859 pekebun kecil di seluruh negara.

"Untuk Selangor sahaja, mengikut bancian Risda pada 2013 kira-kira 40.15 peratus daripada jumlah keseluruhan 7,113 pekebun kecil iaitu 2,856 orang memiliki ladang getah yang tidak ditoreh," katanya pada 12 Oktober seperti dilapor Bernama.

# Belanjawan angkat darjat rakyat

**SHAH ALAM** - Institut Darul Ehsan menyifatkan Belanjawan 2024 yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim meningkatkan tatakelola dan mengangkat darjat rakyat.

Pengurus Kanan Penyelidikannya Khairul Arifin Mohd Munir berkata ia menunjukkan dasar penjimatan dan peningkatan integriti dan tatakelola



lebih mantap, telus, menyeluruh dan berkesan.

"Dalam erti kata lain, pemberian, skim baharu dan ubah suai polisi sedia ada dapat memperkasa rakyat yang menjadi teras Dasar Ekonomi Madani dan Rancangan Malaysia ke-12," katanya.

Beliau menganggap pemindahan subsidi bersasar dalam belanjawan itu menjadikannya lebih berkesan bagi menge-

lak pembuangan dana akibat ketidaktentuan global dengan disalurkan kepada rakyat.

Katanya, pengukuhan ekosistem ekonomi manusiawi membantu sosioekonomi rakyat termasuk bantuan tunai keluarga berpendapatan rendah dan bantuan runcit bulanan bagi membantu miskin tegar.

"Kejayaan Belanjawan ini bergantung kepada kerjasama semua pihak khususnya pemimpin politik, sektor kerajaan, swasta dan masyarakat sivil," katanya.

## Manfaat lima juta murid seluruh negara

# Ibu bapa lega dapat bantuan sekolah

**SHAH ALAM** - Rata-rata ibu bapa gembira berikutan Bantuan Awal Persekolahan akan diteruskan pada tahun depan berdasarkan pembentangan Belanjawan Madani 2024.

Pekerja swasta Hafizah Aina Halimi, 33, bersyukur dengan langkah proaktif kerajaan yang serius membantu ibu bapa membuat persediaan persekolahan anak-anak, lapor Bernama.

"Memang gembira kerana ia sedikit sebanyak menjimatkan perbelanjaan keluarga kerana sambutan hari raya juga hampir dengan sesi pembukaan sekolah tahun depan," kata ibu dua anak itu daripada Pahang.

Pembantu am Ahmad Fadhlun Mohamed Latifi, 32, yang kali kedua

menerima bantuan itu pula mahu menggunakannya untuk membeli kelengkapan sekolah anak sulungnya yang berusia lapan tahun.

"Harapnya dengan barangan serba baharu ini akan memberi keseronokan dan semangat untuknya belajar bersekolah," kata bapa dua anak yang bekerja di Ipoh, Perak.

Bagi suri rumah Hernita Razali, 34, inisiatif itu meringankan beban keluarganya dalam menyediakan kelengkapan persekolahan anak pada tahun depan.

"Bantuan ini membantu kami dalam membuat persiapan sekolah anak memandangkan punca pendapatan keluarga hanya daripada suami yang bekerja sebagai juruteknik," kata ibu

empat anak itu.

Suri rumah Adteen Adi, 43, juga bersyukur atas keputusan kerajaan untuk meneruskan bantuan itu kerana ia membantu ibu bapa menguruskan kos persekolahan anak-anak.

"Ia sangat membantu selain dapat mengurangkan beban ibu bapa terutama yang mempunyai ramai anak bersekolah," katanya yang ada lima anak bersekolah.

Menurut Kementerian Pendidikan, peruntukan RM788,130,000 disediakan dalam Belanjawan 2024 untuk manfaat 5,254,200 murid tahun satu hingga tingkatan lima atau setaraf dengannya. Mereka menerima RM150 secara tunai atau dikredit ke akaun mulai Januari.

# Naik taraf, tambah pusat penjaja

**SHAH ALAM** - Pusat penjaja dan prasarana pasar awam yang uzur meliputi 150 kawasan pihak berkuasa tempatan akan dibaik pulih dan dinaik taraf menerusi peruntukan RM110 juta.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menambah sebanyak 10,000 gerai dan warung pula akan dipindahkan dan tahap kebersihan dipertingkatkan melalui penyaluran dana RM10 juta.

Turut mengecualikan sewa kios bagi enam bulan pertama, beliau berkata 4,000 unit ruang niaga baharu yang seragam dan selesa akan dibina di seluruh PBT menerusi peruntukan RM50 juta.

Katanya, Majlis Amanah Rakyat, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad, Perbadanan Pembangunan Bandar dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga akan menaik taraf kemudahan per-

niagaan mereka.

"Saya tetap dengan azam yang sama iaitu mahu negara ini dikenali dengan kemudahan peniaga, gerai dan warung yang bersih, indah dan selamat.

"Saya beri jaminan bahawa kebajikan penjaja serta peniaga di pasar-pasar akan terus dipelihara bagi memastikan keselesaan buat mereka dan pengunjung," katanya lagi.

# RM1.1 bilion selesai air Kelantan

**SHAH ALAM** - Peruntukan sebanyak RM1.1 bilion disediakan bagi menyelesaikan isu bekalan air di Kelantan, Sabah dan Labuan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau menjelaskan projek pembinaan loji rawatan air Machang fasa satu yang berkapasiti 250 juta liter

sehari akan dijalankan bagi meningkatkan rizab bekalan air di Kelantan.

"Paip simen asbestos juga diganti bagi mengurangkan kadar kehilangan air serta gangguan bekalan air ekoran paip bocor.

"Sementara menunggu projek siap, sewaan lori tangki dan tangki statik ditambah bagi memastikan

rakyat Kelantan mendapat bekalan air segera ketika berlaku gangguan," katanya.

Beliau menambah penggantian peralatan bagi meningkatkan kapasiti loji rawatan air dibuat di Sabah manakala penggantian paip usang dan membaik pulih prasarana dijalankan di Labuan.



Wakil Unicef Malaysia Robert Gass (kanan) menyampaikan anugerah Inisiatif Bandar Mesra Kanak-Kanak kepada Mohamad Azhan (dua, kiri) di Petaling Jaya pada 13 Oktober. Turut hadir Dr Mohamad Fahmi (tengah). Foto REMY ARIFIN

## Unicef iktiraf usaha MBPJ

# Bandar raya sulung mesra kanak-kanak

Oleh ZAREEF MUZAMMIL

**PETALING JAYA** - Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unicef) mengiktiraf Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sebagai bandar raya mesra kanak-kanak pertama di Malaysia.

Datuk Bandar Petaling Jaya Mohamad Azhan Md Amir percaya pengiktirafan tersebut hasil kesungguhan MBPJ yang melibatkan kanak-kanak dalam setiap perancangan pembangunan sejak 2019.

"Platform disediakan kepada mereka untuk berkongsi pandangan dalam

perancangan pembangunan di Petaling Jaya. Perkara ini dipandang Unicef kerana kita beri hak sama rata kepada mereka.

"Pada 2019 kita menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi penganugerahan ini. Bermula dari situ, banyak kegiatan memenuhi kriteria Unicef," katanya pada 13 Oktober.

EXCO kebudayaan inovasi pula berkata kejayaan itu selari aspirasi untuk mewujudkan zon keselamatan kanak-kanak dan berharap ia menjadi contoh kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) lain.

"Saya galakkan PBT lain belajar de-

ngan MBPJ. Ini kerana mereka menerima pakai pandangan kanak-kanak bagi tujuan pembangunan adalah komponen baik," kata Dr Mohammad Fahmi Ngah.

Inisiatif MBPJ bagi memenuhi kriteria Unicef antaranya penubuhan Ahli Majlis Kanak-Kanak Petaling Jaya dengan membawa suara golongan berkenaan dalam aspek pengurusan bandar.

Selain itu, pelaksanaan kajian Analisis Situasi: Kesejahteraan Kanak-Kanak untuk Inisiatif Bandar Mesra Kanak-Kanak (CFKI) di Bandaraya Petaling Jaya dan penyediaan Pelan Tindakan Bandaraya Mesra Kanak-Kanak Petaling Jaya.

## Tangani jurang, tingkat potensi

**PETALING JAYA** - Kerajaan Selangor memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi menangani masalah kanak-kanak yang dikhuatiri terjejas akibat kesan pandemik Covid-19.

EXCO Kebudayaan Inovasi Dr Mohammad Fahmi Ngah berkata mereka menerima dampak ekoran penularan wabak dalam pelbagai aspek dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini.

"Isu yang belum dapat diselesaikan secara menyeluruh merangkumi aspek penjagaan awal, pendidikan, kesihatan, komunikasi dan kepimpinan.

"Justeru, pelbagai program dibuat supaya jurang yang timbul dalam kalangan kanak-kanak ditangani secara tuntas," katanya dalam majlis penganugerahan Inisiatif Bandar Mesra Kanak-Kanak pada 13 Oktober.

Dr Fahmi juga menambah kepentingan kanak-kanak juga sentiasa dibela menerusi program Iltizam Selangor Penyayang dan Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor Prihatin.

"Dengan populasi tujuh juta penduduk, kebajikan dan pembangunan sosial menjadi titik tumpuan utama pentadbiran ini terutama berhubung keperluan dan kesejahteraan kanak-kanak," katanya.

## Kesan 52 kawasan utama denggi

**SHAH ALAM** - Jumlah kes demam denggi meningkat 5.9 peratus iaitu 2,436 kes pada Minggu Epidemiologi ke-40 (ME40) antara 1 hingga 7 Oktober berbanding 2,299 pada minggu sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan dalam kenyataan menjelaskan dua kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada ME40.

Beliau menambah bilangan lokaliti titik panas pada ME40 meningkat kepada 70 lokaliti berbanding 60 lokaliti pada minggu sebelumnya, lapor Bernama.

Ia melibatkan 52 lokaliti di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya (sembilan) serta masing-masing satu di Perlis, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Kelantan, Sarawak dan Sabah.

## Mohon lesen niaga hingga 31 Disember

**SHAH ALAM** - Pemilik premis perniagaan dan penjaja di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) boleh mula memohon lesen 2024 hingga 31 Disember ini.

Menurut kenyataan, permohonan yang bermula bulan ini boleh dibuat pada hari bekerja di Kaunter Pembaharuan Lesen Premis Perniagaan dan Penjaja, galeri aras empat, Menara MPAJ, Ampang.

"Pemilik serta penyewa premis perniagaan diingatkan menjelaskan cukai taksiran termasuk semua tunggakan sebelum memperbaharui lesen bagi mengelakkan kesulitan," katanya pada 12 Oktober.

Permohonan juga boleh dibuat dalam talian menerusi iComm di pautan [icomm.mpaj.gov.my](http://icomm.mpaj.gov.my) atau sistem e-penjaja intranet [mpaj.gov.my/penjaja/login.php](http://mpaj.gov.my/penjaja/login.php)

## Perluas kutipan bahan kitar semula

**SHAH ALAM** - Kutipan bahan kitar semula di Shah Alam diperluas ke kawasan perumahan bertanah dengan pelaksanaan secara berfasa.

Timbalan Datuk Bandar Shah Alam Ir Cheremi Tarman berkata penduduk kawasan terlibat boleh mengetahui perkembangan program tersebut menggunakan aplikasi '3R Family'.

"Kutipan pintu ke pintu di kawasan kediaman atas tanah ini memasuki fasa keempat membabitkan 60,000 kediaman. Kita akan meneruskan ke kawasan lain secara berfasa," katanya baru-baru ini.

Beliau menjelaskan kawasan terlibat dalam kempen berkenaan antaranya Seksyen U8, Seksyen U16, Seksyen U13, Seksyen U10, Seksyen 31-35.

Beliau berkata bagi perumahan kos rendah bertingkat pula MBSA bersama Nestle Malaysia dan KPT Recycles Sdn Bhd menyediakan tong kutipan 'Re-Rosta' iaitu inovasi kutipan sampah kering.



# PKNS

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR  
(SELANGOR STATE DEVELOPMENT CORPORATION)

## KENYATAAN PRA KELAYAKAN

### TAJUK: PERUNDING BERDAFTAR PKNS BAGI SESI 2024-2025

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor mempelawa **Firma-Firma Perunding** yang berminat dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** menyertai Pra Kelayakan Perunding untuk berdaftar sebagai Perunding PKNS bagi sesi 2024-2025 mengikut Kod Bidang masing-masing. Kod Bidang adalah seperti berikut:-

KOD BIDANG PERUNDING FIZIKAL	KOD BIDANG PERUNDING BUKAN FIZIKAL
i) 330101 – Kejuruteraan Awam	i) 340105 – Kajian Pemasaran Dan Penyelidikan
ii) 330102 – Kejuruteraan Struktur	ii) 340202 – Kajian Trafik
iii) 330103 – Kejuruteraan Elektrik	iii) 340401 – Kajian Kewangan
iv) 330104 – Kejuruteraan Mekanikal	iv) 340402 – Kajian Percukaian
v) 330201 – Arkitek	v) 340403 – Penilaian Harta/Hartanah
vi) 330202 – Ukur Bahan	vi) 340404 – Kajian Pelaburan
vii) 330203 – Ukur Tanah	
viii) 330204 – Hiasan Dalaman	
ix) 330205 – Arkitek Landskap	
x) 330206 – Perancang Bandar dan Wilayah	
xi) 330207 – Kajian Alam Sekitar	

Kod Bidang yang dinyatakan hendaklah sama berdasarkan Senarai Kod Bidang Pendaftaran Firma Perunding yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

#### Syarat-Syarat Kelayakan Syarikat:-

- Kementerian Kewangan Malaysia (KKM): Firma hendaklah **WAJIB** berdaftar dengan KKM dalam bidang yang dinyatakan di atas.
- Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) : Sijil Pendaftaran Syarikat **WAJIB** disertakan.
- Lembaga Profesional : Sijil Pendaftaran Lembaga **WAJIB** disertakan.
- Terbuka hanya kepada firma-firma yang **BERIBUPEJABAT/BERDAFTAR** di alamat di Negeri Selangor Darul Ehsan dan Kuala Lumpur atau yang mempunyai **CAWANGAN** di Selangor dan Kuala Lumpur juga dipelawa untuk turut serta.

Tempat untuk mendapatkan Dokumen : Bahagian Perolehan, Tingkat 2, Blok D, Bangunan Ibu Pejabat PKNS, No. 2, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor

Tarikh untuk mendapatkan Dokumen : **23 Oktober 2023 – 10 November 2023**  
Jam 9.00 pagi – 4.00 petang

Bayaran Dokumen Pra Kelayakan : **RM50.00 (Tunai, Kad Kredit atau Kad Debit) bagi setiap satu (1) Kod Bidang** (tidak akan dikembalikan). Bayaran hendaklah dibuat di Kaunter Kewangan PKNS, Aras Bawah, Blok B, Bangunan Ibu Pejabat PKNS

Sila bawa bersama Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (KKM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Sijil Lembaga Profesional yang **Asal (Wajib Dibawa)** dan **Satu Salinan** semasa membeli dokumen.

Dokumen Pra Kelayakan Perunding Berdaftar PKNS yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan dicatat dengan jelas 'Pra Kelayakan Perunding Berdaftar PKNS 2024-2025' berserta **Kod Bidang** berkaitan di sebelah kiri atas sampul serta dimasukkan ke dalam peti seperti di alamat di atas.

Dokumen Pra Kelayakan Perunding Berdaftar PKNS yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup akan **DITOLAK**.

Hanya Firma yang **LULUS** Penilaian Pra Kelayakan Perunding akan dimaklumkan dan didaftarkan sebagai Perunding Berdaftar PKNS.

Tarikh Tutup Penyerahan :	14 November 2023	16 November 2023
Sebelum jam 12.00 tengah hari	i) 330201 – Arkitek ii) 330202 – Ukur Bahan iii) 330204 – Hiasan Dalaman iv) 330205 – Arkitek Landskap	i) 330206 – Perancang Bandar dan Wilayah ii) 330207 – Kajian Alam Sekitar iii) 330203 – Ukur Tanah
	15 November 2023	17 November 2023
	i) 330101 – Kejuruteraan Awam ii) 330102 – Kejuruteraan Struktur iii) 330103 – Kejuruteraan Elektrik iv) 330104 – Kejuruteraan Mekanikal	i) <b>KESEMUA</b> Kod Bidang Perunding Bukan Fizikal

Tempat untuk mengemukakan Dokumen : **BAHAGIAN PEROLEHAN,**  
Tingkat 2, Blok D, Bangunan Ibu Pejabat PKNS,  
No. 2, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14,  
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

## Lahirkan 900 jurutera

**KUALA SELANGOR** - Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Selangor (STDC) memeterai perjanjian persefahaman (MoU) dengan syarikat latihan teknikal profesional SRC Global Sdn Bhd (SRC Global).

Ketua Pegawai Operasi Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI Saipolyazan M Yusop berkata kerjasama itu bagi melahirkan lebih ramai jurutera pemasangan kabel gentian optik.

"Kita menyasarkan lahir lebih 900 jurutera dalam bidang ini bagi tempoh beberapa tahun akan datang bertujuan membantu industri telekomunikasi di Malaysia.

"Insya-Allah, kita percaya ramai yakin untuk mengambil kursus di bawah STDC memandangkan institusi ini telah mendapat pengiktirafan Telekom Malay-

sia Bhd.

"Pengiktirafan ini melayakkan pelatih jurusan pemasangan kabel gentian optik menduduki ujian bagi kursus berkenaan," katanya selepas menyaksikan majlis MoU di sini pada 13 Oktober.

Penandatanganan dibuat Pengurus Pusat Bertauliah STDC Norzilawati Md Said manakala Ketua Pegawai Eksekutif SRC Global Dato' Nor Hisham Mohd Arifin.

Saipolyazan menjelaskan kerjasama itu tidak hanya terhenti kepada bidang kabel gentian optik sahaja sebaliknya akan diteruskan untuk melatih pelajar dalam bidang solar pada masa depan.

"Dengan latihan yang diterima peserta ini, mereka berpeluang mendapat pekerjaan yang bergaji sekurang-kurangnya RM1,800 sebulan bergantung tahap kemahiran dan sijil," jelasnya.

## RM95,000 taja pelajar

**KUALA SELANGOR** - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI menaja 15 peserta bidang kemahiran pemasangan kabel gentian optik di Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Selangor (STDC).

Ketua Pegawai Operasinya Saipolyazan M Yusop menjelaskan RM75,000 diperuntuk bagi membantu pelajar terutama golongan asnaf dan kurang berkemampuan untuk mengembangkan kemahiran.

Beliau menjelaskan pihaknya juga bersetuju untuk menaja pelajar kemahiran di STDC pada masa depan jika program berkenaan berjaya dan mendapat permintaan.

"Kita berharap sumbangan ini sedikit sebanyak membantu mereka melebar sayap dan kita sedia maklum ini antara bidang yang mendapat permintaan tinggi dalam sektor pekerjaan," katanya.

Beliau hadir majlis graduasi peserta program Fiber Optic Technician dan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara STDC dan SRC Global Sdn Bhd di kampus induk STDC pada 13 Oktober.

Sementara itu, pelajar terbaik pemasangan kabel gentian optik Muhammad Alif Anuar pula terharu atas pengiktirafan berkenaan dan berterima kasih atas sumbangan tersebut.

"Saya bersyukur MBI yang membantu menaja latihan saya di STDC selama 13 hari. Memang minat dengan bidang ini dan harap boleh pergi lebih jauh.

"Saya sarankan juga anak muda yang kurang berminat dalam akademik boleh beralih kepada kemahiran kerana ini antara bidang yang mendapat permintaan tinggi ini," katanya.



## Bantu 58,000 peniaga

**SUBANG JAYA** - Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah) menyalur RM775 juta modal tambahan sejak 2010 sekali gus membantu 58,000 usahawan kecil dan sederhana memulakan serta meluaskan perniagaan.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutifnya Normaiza Yahya percaya bantuan berkenaan berupaya melonjakkan golongan berpendapatan rendah kepada kelas menengah melalui perniagaan.

"Had pembiayaan RM1,000 hingga RM100,000. Skim Hijrah membantu usahawan yang ingin memulakan perniagaan dan menambah pendapatan," katanya pada 12 Oktober.

Beliau memaklumkan 6,700 peminjam ditawarkan pinjaman ulangan yang dikhaskan kepada peserta yang melunaskan pembiayaan mengikut jadual dan prestasi perniagaan berkembang.

"Pinjaman ulangan ini tidak terhad buat usahawan yang berjaya dalam perniagaan, boleh pinjam lagi untuk mengembangkan operasi seperti menambah cawangan, pekerja dan pemasaran produk.

"Mengikut rekod ada peserta meminjam 10 kali. Tahun ini, kebanyakan peserta membuat pinjaman ulangan mengambil Skim i-Bisnes dan Skim Digital," katanya.





Pemain Ampang Ukay Positive FC (kanan) menyekat pergerakan tonggak Ingress KL FC dalam perlawanan ketiga kumpulan A Liga Juara Selangor di Arena MBSJ, Subang Jaya pada 14 Oktober. Foto Persatuan Bolasepak Selangor

Lapan pasukan kumpulan A kongsi mata

# Sijangkang belasah Kajang Northern

Oleh **AFIX REDZUAN**

**SHAH ALAM** - Sijangkang City FC memperbaiki kedudukan dalam kumpulan B selepas berpesta gol membelasah Kajang Northern Merbau FC 4-0 dalam perlawanan ketiga Liga Juara Selangor (SCL 2023).

Affizee Faisal membuka jaringan pada minit ke-23 diikuti gol Rahizi Rasib lapan minit kemudian yang membolehkan pasukan mereka selesai mendahului 2-0 pada babak pertama.

Hariz Fazrin dan Faiz Zikry turut mencatat nama sebagai penjaring pada babak kedua sekali gus menge-

sahkan tiga mata pertama skuad kendalian Zambri Hassan di Arena MBSJ, Subang Jaya pada 15 Oktober.

NPNG Damansara Perdana mengekalkan kedudukan di puncak liga dengan tujuh mata selepas bangkit mengikat Selangor FC Youth 2-2 hasil jaringan lewat permainan Stuart James.

Mengekori rapat, AAK FC Puncak Alam yang berkongsi satu mata dengan MBSA FC, hasil keputusan seri 2-2 sementara PJ Kelana United dan Najmi SFFC Kota Damansara terikat 1-1.

Sementara itu, kedudukan dalam kumpulan A tidak berubah selepas semua empat perlawanan berakhir dengan keputusan seri.

Pasukan tangga bawah Ingress KL FC berjaya meraih mata pertama musim ini selepas bangkit mengikat Ampang Ukay Positive FC 1-1 menerusi jaringan Ahmad Danish pada minit ke-42.

KKB Brotherhood kekal menerajui liga dengan tujuh mata walaupun terikat tanpa jaringan dengan pasukan kedua FC Klang Frenz United FC manakala keputusan sama dicatat dalam perlawanan antara Gombak FA dan Kg Bharu Boss FC.

Tebuan FC Kg Pinang pula kekal di kedudukan keenam dengan dua mata hasil keputusan seri 1-1 menentang Kru Port Klang FC.

## Lebih ramai pengadil ke AFC, Fifa

**SHAH ALAM** - Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) berharap lebih ramai pengadil tempatan dapat mengendalikan perlawanan peringkat antarabangsa pada masa akan datang.

Presidennya Datuk Hamidin Mohd Amin berkata jejak langkah Muhammad Nazmi Nasaruddin bersama dua pembantunya Mohamad Zairul Khalil Tan dan Mohd Arif Shamil Abd Rasid yang akan ke Piala Asia 2023, Qatar tahun hadapan perlu dijadikan contoh.

Beliau berkata FAM akan terus memberi sokongan dan bantuan kepada pengadil supaya mereka dapat

mencapai tahap tertinggi di peringkat Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) dan Persekutuan Persatuan Bola Sepak Antarabangsa (Fifa).

"AFC telah memilih Nazmi dan dua pembantunya untuk menggalas tugas Piala Asia di Qatar pada Januari 2024 yang mana ia satu pengiktirafan dan diharap akan terus menjadi pemangkin kemajuan pengadil bola sepak Malaysia.

"Menjadi harapan kami untuk melihat lebih ramai pengadil Malaysia memegang tugas utama dalam perlawanan antarabangsa terutama di Piala Dunia 2026 yang akan diadakan di

Amerika Syarikat, Kanada dan Mexico," katanya pada 13 Oktober.

Hamidin turut menasihati tiga pengadil berkenaan mengenai prestasi semasa perlawanan, persediaan kecerdasan dan sikap profesional yang perlu ada pada seorang pengadil bertaraf dunia.

Sebelum ini, AFC telah memilih Muhammad Nazmi dan pembantunya mengendalikan dua perlawanan Liga Juara-Juara Asia (ACL) 2023/24 di Thailand dan India. Mereka juga dilantik mengendalikan perlawanan seterusnya di China pada 24 Oktober.

## Juan Torres kendali skuad B-23 negara

**SHAH ALAM** - Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) melantik Juan Torres Garrido sebagai ketua jurulatih skuad B-23 kebangsaan baharu bagi menghadapi Piala Asia B-23 2024 di Qatar, April depan.

Badan induk bola sepak negara itu memaklumkan sebelum ini beliau merupakan penolong ketua jurulatih B-23 dan membantu E Elavarasan sejak September 2022.

"FAM yakin dan percaya dengan latar belakang pengalaman yang dimiliki dan telah setahun berada dalam sistem skuad B-23 kebangsaan, Juan Torres mampu mengemudi skuad ini menghadapi Piala Asia B-23 2024 di Qatar nanti," katanya pada 12 Oktober.

Selain itu, bekas kapten skuad kebangsaan, Shukor Adan dilantik sebagai penolong ketua jurulatih B-23 baharu dan akan mula bertugas selepas kontraknya bersama Kuala Lumpur City FC berakhir.

## Skuad ragbi raih gangsa di Thailand

**SHAH ALAM** - Skuad ragbi tujuh sebelah (7s) lelaki negara berjaya meraih gangsa selepas menewaskan Emiriah Arab Bersatu (UAE) 21-15 dalam pusingan kedua Siri Ragbi 7s Asia di Bangkok, Thailand.

Pengendalinya Nik Safuan Ismande Nik Man gembira dengan persembahan pemainnya walaupun beberapa tonggak utama cedera.

"Melihatkan pencapaian kali ini, pasukan bukan setakat cemerlang tetapi menunjukkan prestasi yang sangat mengejutkan untuk semua," katanya seperti dilapor Berita Harian pada 16 Oktober.

Malaysia tewas 5-43 kepada Hong Kong dalam perlawanan awal sebelum bangkit menewaskan Korea Selatan dan Singapura. Skuad negara tewas 10-24 kepada Jepun di separuh akhir.

## Skuasy tersenarai di Olimpik 2028

**SHAH ALAM** - Persatuan Raket Skuasy Malaysia (SRAM) gembira selepas Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa meluluskan acara itu dipertandingkan di Sukan Olimpik Los Angeles (LA) 2028.

Pengarah Kejurulatihannya Mejar (B) S Maniam berkata pihaknya akan mempersiapkan atlet untuk layak ke kejohanan berkenaan yang menawarkan dua emas.

"Kami perlu melakukan segala persiapan dengan rapi dan betul agar Persekutuan Skuasy Dunia (WSF) dapat menganjurkan satu kejohanan yang baik di Sukan Olimpik," katanya seperti di lapor Berita Harian.

Empat acara baru yang turut dipertandingkan di LA 2008 adalah kriket, flag football, lacrosse dan besbol-sofbol.



**KAMRI KAMARUDDIN**  
Bukit Antarabangsa  
menyampaikan barangan  
asas kepada penduduk di  
pejabat DUN beliau



**ANFAAL SAARI**  
Taman Templer  
menziarahi penduduk  
di Pangsapuri Kota  
Warisan, Gombak



**DATUK JOHAN ABD AZIZ**  
Dusun Tua  
melawat tapak Surau  
Kampung Sungai Long,  
Hulu Langat



**DR QUAH PERNG FEI**  
Bandar Baru Klang  
meninjau kamival  
kesihatan di pasar raya  
Klang Parade, Klang



**DR G GUNARAJ**  
Sentosa  
berbincang bersama Persatuan  
Penduduk Taman Grand  
Mena Homes di Klang



**YEW JIA HAUR**  
Teratai  
bergotong-royong  
bersama penduduk di  
Taman Muda, Ampang Jaya



**MUHAMMAD IZUAN KASIM**  
Kota Damansara  
merasmikan kejohanan bola  
sepak sekolah-sekolah Tamil  
di Petaling Jaya



**DANIAL AL-RASHID**  
Batu Tiga  
bertemu mangsa  
kebakaran di Seksyen  
18, Shah Alam

## Jana pendapatan artis tempatan

**SHAH ALAM** - Pengecualian penuh duit hiburan bagi persembahan pentas artis tempatan di Wilayah Persekutuan membantu golongan berkenaan menjana pendapatan lebih tinggi, kata Altimet.

Bekas penyanyi yang juga wakil rakyat Dewan Undangan Negeri (DUN) Lembah Jaya percaya dapat mengurangkan kos penganjuran acara sekali gus artis memperoleh nilai bayaran lebih besar.

Pemilik nama sebenar Syed Ah-



mad Syed Abdul Rahman juga menambah pengurangan 10 peratus duit hiburan bagi persembahan pentas artis antarabangsa pula menggalakkan sektor pelancongan.

"Persembahan dibuat di ibu kota. Jika artis luar membuat persembahan dan peminat datang, ia membantu ekonomi serta pelancongan setempat.

"Peminat duduk di hotel, berjalan-jalan dan membeli-belah. Jadi,

langkah itu bukan hanya membantu golongan artis tetapi jadi pemangkin ekonomi negara," katanya pada 14 Oktober.

Beliau menyokong penuh jika negeri lain melaksana dasar sama yang diperkenal Kerajaan Selangor lebih awal iaitu pada 2021 susulan penularan Covid-19.

Dalam Belanjawan 2024 pada 13 Oktober, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan penurunan kadar duit hiburan Wilayah Persekutuan daripada 25 peratus kepada kadar baharu.

Terima susu, vitamin selama setahun

# Bantu tumbesaran kanak-kanak

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

**SUBANG JAYA** - Penerima sumbangan makanan tambahan selama setahun bagi tumbesaran kanak-kanak bersyukur anaknya terpilih menyertai Kiddo Food Bank Parlimen Puchong.

Menjelaskan anaknya berusia enam tahun sebelum ini berkongsi susu dengan adiknya, Siti Aisyah Hussin, 30, berharap Muhammad Amar Afwan Ahmad membesar dengan sihat menerusi bantuan itu.

"Sebelum ini berkongsi dengan adiknya jika minum susu, jadi mungkin ada yang tidak cukup. Dengan bekalan

setiap bulan ini, kita dapat fokus pada dia.

"Harap selepas setahun ada perkembangan positif tumbesaran anak saya supaya membesar sihat dan cergas seperti kanak-kanak lain selepas dapat cukup zat makanan cukup," katanya pada 8 Oktober.

Ahli Parlimen Puchong Yeo Bee Yin melancarkan program berkenaan yang menyasar 100 kanak-kanak malnutrisi (kurang zat) menerima bekalan susu tepung dan pelbagai vitamin selama setahun.

Kiddo Food Bank menumpukan



kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah (B40) yang mengalami masalah bantut, kurang berat badan dan susut.

Penerima lain Mohd Nor Fizan Abd Samad, 43, pula mengangap program berkenaan memberi pendedahan kepada ibu bapa mengenai bahaya kekurangan zat kepada kanak-kanak.

"Dengan tiga pek setiap bulan, ia membantu perbelanjaan kami untuk pembelian susu seterusnya memastikan anak mendapat zat makanan secukupnya," katanya.

## Penghadang besi kurang risiko bah

**SHAH ALAM** - Pemasangan penghadang besi (flap gate) di Taman Sri Pelabuhan, Klang dijangka mampu mengawal aliran air sekali gus mengurangkan risiko banjir di kawasan tersebut.

Wakil rakyat Pandamaran Tony Leong Tuck Chee berkata tiga unit pagar besi yang dipasang



Majlis Perbandaran Klang (MPK) yang menelan kos RM22,000 siap sepenuhnya baru-baru ini.

"Setiap kali hujan lebat, penduduk risau sebab banjir seringkali berlaku. Sebelum pilihan raya negeri, saya bincang dengan MPK untuk kaji bagaimana boleh selesaikan masalah ini.

"MPK kemudian cadang untuk pasang 'flap gate' dan mereka tanggung sepe-

nuhnya kos tersebut. Diharap pemasangan ini dapat menyelesaikan isu banjir," katanya.

Beliau juga menambah pagar besi berkenaan setakat ini berfungsi dengan baik berikutan tiada banjir terjadi di kawasan berkenaan walaupun hujan lebat.

"Bagaimanapun, saya minta penduduk supaya dapat memantau 'flap gate' berkenaan. Jika banjir berlaku, segera maklumkan kepada saya," katanya.

## RM370,000 naik taraf pasar lama

**SHAH ALAM** - Sebanyak RM370,000 diperuntuk bagi menaik taraf pasar Bandar Country Homes, Rawang, sekali gus memberi keselesaan kepada peniaga dan pengunjung.

Wakil rakyatnya Chua Wei Kiat berkata kerja baik pulih pasar berusia lebih 20 tahun itu melibatkan penambahbaikan antaranya pertukaran bumbung baharu dan mengecat luar bangunan.

Berharap perubahan itu memberi keselesaan kepada mereka, beliau menambah tandas awam, kawasan parkir dan beberapa aset dalaman bangunan termasuk pembinaan pagar baharu turut dibaiki.

"Pasar ini perlu diberi nafas baharu memandangkan usianya sudah



lebih 20 tahun dan banyak aset yang sudah agak usang dan perlukan pembaikan," katanya pada 10 Oktober.

"Kerja naik taraf sudah bermula bulan ini dan dijangka mengambil tempoh masa tiga bulan untuk disiapkan, semoga ia memberi keselesaan kepada semua yang mengunjungi pasar ini," katanya.

## Mohon baucar hingga 25 Oktober

**SHAH ALAM** - Warga Dewan Undangan Negeri (DUN) Bandar Utama berpendapatan seisi rumah RM3,000 ke bawah dipelawa memohon baucar beli-belah sempena Deepavali sehingga 25 Oktober ini.

Wakil rakyatnya Jamaliah Jamaluddin memaklumkan permohonan inisiatif Jom Shopping dibuka kepada masyarakat yang menyambut perayaan itu dengan syarat mereka adalah pengundi atau penduduk di kawasan berkenaan.

"Sila muat turun borang di pautan tiny.cc/JSP23DeepavaliBU atau dapatkan di pejabat DUN dan hanya permohonan yang berjaya akan dihubungi.

"Hanya satu pemohon saja layak bagi setiap keluarga dengan menyertakan dokumen lengkap seperti salinan kad pengenalan pemohon dan pasangan atau akaun bertulis sekiranya bujang, sijil kematian bagi pasangan meninggal dunia dan bukti pendapatan," katanya menerusi Facebook pada 16 Oktober.

## Senggara saliran elak banjir

**KLANG** - Wakil rakyat Dewan Undangan Negeri (DUN) Meru Mariam Abdul Rashid merangka pelan jangka pendek bagi mengatasi masalah banjir dengan menyelenggara longkang di lokasi kritikal.

Beliau telah mengadakan mesyuarat dengan beberapa agensi berkaitan dan bercadang untuk mencontohi usaha di Taman Dato Bandar itu bagi mengelak bencana tersebut berulang.

Katanya, pihak beliau sedang menyenarai kawasan kritikal yang perlu diberi perhatian untuk dipanjangkan kepada agensi berkaitan seterusnya penyelenggaraan dijalankan segera.

"Sesetengah longkang dipenuhi pokok sehingga menyebabkan air tidak mengalir. Kita sedang senaraikan kawasan kritikal yang perlu diberi perhatian," katanya pada 12 Oktober.

Mengenai projek membina empat kolam takungan yang dijalankan kerajaan persekutuan, Mariam menjelaskan ia dalam proses lantikan kontraktor.

## 400 keluarga dapat Jom Shopping

**SHAH ALAM** - Sebanyak 400 keluarga India di DUN Batu Tiga bakal menerima baucar Jom Shopping sempena sambutan Deepavali bulan depan.

Wakil rakyat Danial Al-Rashid Haron berkata permohonan baucar bernilai RM200 itu boleh dibuat di pejabatnya di Seksyen 16 sejak 16 Oktober.

"Pemohon boleh datang ke pejabat dan isi dokumen diperlukan. Tahun ini peruntukan disediakan untuk 400 penerima.

"Baucar boleh ditebus di Giant Kota Kemuning. Kita harap usaha ini dapat memeriahkan sambutan perayaan mereka," katanya.

Tumpu 97 lokasi  
kerap banjir

5

Jais tubuh tabung bantu  
rakyat Palestin

2

Insentif RM2,000  
penjawat awam

17

Petaling Jaya bandar sulung  
mesra kanak-kanak

19

FAM mahu lebih ramai  
pengadil ke AFC, Fifa

21

# selangorkini

## Klang jadi bandar raya November

**KLANG** - Majlis Perbandaran Klang (MPK) akan bertukar status bandar raya pada 23 November ini, kata yang dipertuannya.

Noraini Roslan memaklumkan pihaknya kini giat menaik taraf kemudahan awam khususnya jalan raya demi kesejahteraan masyarakat.

"Dari segi pentadbiran, kita menunggu untuk mendapat surat cara watakah daripada Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah selepas kelulusan Kabinet.

"Kemudian kita akan mewartakan tarikh kuat kuasa yang dipersetujui pada 23 November ini dan secara rasminya MPK bergelar bandar raya.

"Acara pengisytiharan bandar raya akan dibuat dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, yang perlu menunggu tarikh ditetapkan Baginda," katanya pada 15 Oktober.

## Pameran Anggerik 25 Oktober

**SHAH ALAM** - Orang ramai dipelawa untuk mengunjungi Pasar Bunga dan Pameran Anggerik Shah Alam yang berlangsung antara 25 hingga 29 Oktober.

Bertempat di pekarangan tempat letak kenderaan Taman Persahabatan Selangor Jepun, Seksyen 14 di sini, program anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dibuka mulai 9 pagi hingga 8.30 malam.

"Orang ramai dijemput hadir untuk membeli atau melihat sendiri kecantikan dan keunikan pelbagai jenis pokok dan bunga yang dipamer sepanjang pasar itu berlangsung," kata kenyataan MBSA.

Selain itu, pelbagai kegiatan menarik turut diadakan antaranya mencanting batik, memancing ikan khas untuk kanak-kanak dan sesi bual bicara.



Pemain hoki wanita Selangor (tengah) cuba melepasi kawalan pemain Perak dalam perlawanan kumpulan A TNB Piala Tun Abdul Razak di Stadium Hoki Kementerian Pendidikan Malaysia Lembah Pantai, Kuala Lumpur pada 14 Oktober. Foto Facebook Konfederasi Hoki Malaysia

## Selangor ke separuh akhir

# Sedia pertahan Piala Tun Abdul Razak

Oleh **AFIX REDZUAN**

**SHAH ALAM** - Skuad hoki wanita Selangor kian bersemangat mempertahankan kejuaraan TNB Piala Tun Abdul Razak selepas mara ke separuh akhir menewaskan ATM 2-1 pada 16 Oktober.

Jurulatih Ikmal Abdul Jabar berkata pasukannya perlu segera memperbaiki persembahan kurang konsisten menjelang perlawanan terakhir peringkat kumpulan A.

"Kita layak ke separuh akhir tetapi tidak boleh selesa sebab corak permainan tidak beberapa konsisten. Walaupun menang ke atas ATM, tetapi pemain kita tidak cukup baik ketika menyerang.

"Kita ada satu lagi baki perlawanan peringkat kumpulan dan kita akan cuba beri yang terbaik," katanya pada 17 Oktober.

Menurut Ikmal, pemain Selangor daripada gabungan bakat muda dan berpengalaman tidak akan mengambil mu-

dah cabaran mana-mana pasukan yang kini bersaing sengit ke separuh akhir.

"Kita memang sasarkan untuk pertahan emas tapi saya enggan beri tekanan kepada pemain.

"Kita tidak mahu terlalu yakin sebab ada campuran pemain muda yang baharu bermain bawah jagaan saya," katanya.

Peringkat separuh akhir akan berlangsung pada 19 Oktober dan akhir pada 21 Oktober di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

## pancawarna

### Kembara jejak ilmu Islam

Foto lawatan Dato' Menteri Besar ke Mesir dan Jordan, bertemu mahasiswa

12&13



### Selangor pintu masuk Asean

Sidang SIBS tarik pelabur, dijangka mencatat transaksi lebih RM1 bilion

9



### B40, petani raih banyak manfaat

Belanjawan 2024 tingkat taraf hidup kumpulan sasar hadapi cabaran

15

